

**SABAH  
HEBAI!**

Katakan Tidak kepada Nombor 16

# Module **MONOTOS**

## Bahasa Melayu 1 SPM

Format Baharu (KSSM)

Sinergi Ketua-ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah dan  
Sektor Pembelajaran JPN Sabah

<b>BIL</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Sidang Redaksi Modul Monotos Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	3
2	Sekapur Sirih Seulas Pinang	4
3	Setinta Kata	5
4	Dari Meja Editor	6
5	Format Instrumen SPM Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	7
6	Bahagian A Karangan Respons Terhad	8
7	Contoh Soalan dan Cara Menjawab	9 -11
8	Praktis 1 – Praktis 14	12 - 25
9	Karangan Respons Terbuka	26
10	Panduan Pemarkahan Bahagian B	27
11	Domain Awam	28 -35
12	Domain Peribadi	35 -45
13	Domain Pendidikan	45 – 51
14	Domain Kerjaya	52 – 56
15	Skema Jawapan & Kriteria Penskoran	57 -92
16	Lampiran Senarai Penyumbang Bahan BM Kertas 1	93 - 94

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**

- Pengerusi : Yang Berbahagia Datuk Dr.Mistirine Radin  
Pengarah Pendidikan Negeri Sabah
- Timbalan Pengerusi : Dr. Mohd Kassim Bin Tusin  
Timbalan Pengarah  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- Penyelaras : Puan Ajanah Mohamed  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- : Dr. Dewi binti Madzlan@Madlan  
Penolong Pengarah Unit Bahasa  
Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- Editor : Juilis Mokujal  
Guru Cemerlang Bahasa Melayu  
SMK. Narinang, Kota Belud
- Pereka Grafik : Sulaiman bin Hj. Suhaili  
SMK. Pengiran Omar II, Sipitang

## SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Mistirine Radin**  
**Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**



Salam sejahtera kepada semua pendidik dan calon SPM di negeri Sabah.

Sabah Hebat!

Katakan Tidak kepada Nombor 16.

Katakan Ya kepada 10 Terbaik!

Kita bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan limpah-Nya, Modul Monotos Bahasa Melayu KSSM dapat dihasilkan. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang diterajui oleh Dr Kassim Haji Tusin (Timbalang Pengarah, Sektor Pembelajaran, JPN Sabah), Puan Ajanah Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran), Dr Dewi Binti Madzlan@Madlan (Unit Bahasa Sektor Pembelajaran) dan panel penulis Modul Monotos atas komitmen dalam menghasilkan modul yang sangat bermanfaat ini.

Prakarsa penghasilan modul ini merupakan Projek Peningkatan Prestasi Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang bertujuan untuk memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) supaya setiap murid memperoleh keputusan yang terbaik dalam peperiksaan. Atas keperluan tersebut, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah melaksanakan program bersama dengan semua Ketua Panitia Bahasa Melayu Menengah Sabah pada tahun lepas dan diteruskan pada tahun ini untuk menghasilkan modul pengajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam PdP dengan harapan mampu memugar kecemerlangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, Modul Monotos garapan idea Ketua-Ketua Panitia Bahasa Sekolah Menengah JPN Sabah mengetengahkan format baharu Bahasa Melayu KSSM yang julung kali dihadapi oleh pelajar pada tahun ini. Saya yakin Modul Monotos BM SPM ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru Bahasa Melayu SPM untuk memastikan calon SPM mendapat latihan yang mencukupi.

Oleh itu, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada panel penulis atas komitmen luar biasa dan iltizam menghasilkan Modul Monotos Bahasa Melayu SPM. Saya berharap setiap guru di Sabah dapat memanfaatkan modul ini dalam PDPC masing-masing. Melalui kesungguhan dan komitmen semua guru Bahasa Melayu, saya pasti prestasi pelajar Sabah mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan dengan calon dari negeri lain.

Sekian dan selamat maju jaya.

## SETINTA KATA

**Dr.Kassim Haji Tusin**  
**Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran**  
**Jabatan Pendidikan Negeri Sabah**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sabah Hebat!

Katakan Tidak Kepada Nombor 16.

Kata Ya kepada 10 Terbaik.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberikan kekuatan dan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab hakiki dengan penuh dedikasi. Program Peningkatan Akademik Pengarah bersama Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah tahun 2021 dizahirkan melalui Modul Monotos Bahasa Melayu SPM. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan panel penulis Modul Monotos atas inisiatif menghasilkan modul ini.

Monotos dalam bahasa KadazanDusun bermaksud berabis atau berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu perkara sehingga berhasil mendapatkan kecemerlangan atau kejayaan. Melalui sikap 'monotos' dalam jiwa setiap orang pastinya akan menghasilkan semangat, motivasi dan kecemerlangan yang boleh menaikkan imej sekolah, PPD dan Jabatan. Saya faham untuk menghasilkan modul pembelajaran bukan mudah seperti yang dibayangkan kerana menulis modul yang berimpak tinggi memerlukan komitmen, kesabaran dan pengorbanan yang bukan sedikit daripada para penulis. Saya yakin Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu yang menghasilkan modul ini berusaha bersungguh-sungguh @ monotos sehingga modul ini dapat dihasilkan dan dapat dimanfaatkan oleh calon SPM pada tahun ini.

Modul Monotos garapan idea Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu JPN Sabah pada hemat saya, sangat relevan digunakan oleh guru dan murid sebagai bahan latih tubi berfokus menjelang peperiksaan SPM pada tahun ini. Saya berharap agar warga guru mahupun murid dapat memanfaatkan modul ini dengan sebaik mungkin demi meningkatkan prestasi subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM tahun 2021. Oleh itu, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada panel penulis modul kerana berusaha gigih sehingga dapat menghasilkan Modul Monotos Bahasa Melayu SPM, modul format baharu yang sangat konprehensif. Modul ini diharapkan dapat membantu guru melaksanakan PdP secara bersemuka mahupun PDPR. Akhir sekali, sumbangan para penulis menghasilkan Modul Monotos didahului dengan ucapan syabas dan terima kasih.

Sekian dan selamat maju jaya.

**DARI MEJA EDITOR**

Perubahan format Bahasa Melayu KSSM telahpun ditatarkan kepada guru-guru pada tahun lepas. Melalui penataran tersebut, Jurulatih Utama Daerah (JUD) telah didedahkan dengan format baharu BM KSSM yang merangkumi Kertas 1, Kertas 2, Kertas 3 dan Kertas 4. Kursus penataran di peringkat daerah dan sekolah juga telah dilaksanakan untuk memastikan setiap guru Bahasa Melayu memahami, menguasai dan mendalami perubahan format tersebut. Menyedari peri pentingnya bahan latih tubi selaras dengan perubahan format baharu tersebut, Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah telah mengadakan mesyuarat dalam talian untuk membincangkan solusi terbaik mengatasi cabaran yang dihadapi oleh rakan guru Bahasa Melayu menyediakan bahan latih tubi dan memutuskan untuk bersinergi menghasilkan modul format baharu Bahasa Melayu SPM.



Modul MONOTOS Bahasa Melayu SPM percambahan idea sinergi Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah merupakan modul latih tubi berfokus yang dihasilkan khusus untuk membantu calon meraih Bahasa Melayu A+ dalam peperiksaan SPM 2021. Modul ini merangkumi soalan Bahagian A (Karangan Respons Terhad) dan Bahagian B (Karangan Respons Terbuka) sebagai bahan latih tubi berfokus. Bahan latih tubi yang disediakan oleh panel penulis pastinya membantu murid untuk membuat latih tubi dan menggunakan bahan tersebut dalam sesi perbincangan bersama rakan yang lain.

Dari aspek teknikalnya, Modul Monotos ini menepati standard peperiksaan SPM format baharu kerana dihasilkan oleh Ketua Panitia Bahasa Melayu yang berpengalaman sebagai pemeriksa, penggubal soalan dan jurulatih utama Bahasa Melayu di peringkat negeri dan kebangsaan. Semoga Modul Montos ini memudahkan PDPC rakan guru dan seterusnya KPI Bahasa Melayu JPN Sabah dapat dicapai dalam peperiksaan SPM tahun 2021. Bagi pihak Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah, saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kepada kami menggalas amanah menggubal Modul Monotos ini.

Salam hormat.

Sabah Hebat! Katakan Tidak Pada Nombor 16.  
Katakan Ya kepada 10 Terbaik.

**JUILIS MOKUJAL**

Guru Cemerlang Bahasa Melayu

**FORMAT INSTRUMEN BAHARU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGGAN (KSSM)  
BAHASA MELAYU (1103)**

Bil	Perkara	Kertas 1 (1103/1) 100 markah	Kertas 2(1103/2) 100 markah	Kertas 3 (1103/3) 70 markah	Kertas 4 (1103/4) 30 markah
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Lisan	Ujian Mendengar
2	Jenis Item	Subjektif Respons Terhadap Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terhadap Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terhadap Subjektif Respons Terbuka	Objektif Aneka Pilihan  Objektif Pelbagai Bentuk  Subjektif Respons Terhadap
3	Bilangan Soalan	<b>Bahagian A</b> Satu saja Soalan berdasarkan kombinasi pelbagai bahan rangsangan  Jawab 1 soalan  <b>Bahagian B</b> Empat Soalan berdasarkan domain Jawab satu daripada empat soalan  Jumlah soalan : 5 soalan	<b>Bahagian A Sistem &amp; Aplikasi Bahasa</b> S1-Morfologi S2-Sintaksis S3-Penyuntingan S4-Bahasa Melayu Standard S5-Peribahasa  <b>Bahagian B</b> S6-Petikan Umum S7-Petikan Sastera S8 -Novel  <b>Bahagian C</b> S9- Rumusan  Jumlah soalan : 9 soalan	<b>Bahagian A</b> Individu Satu petikan/bahan rangsanagn yang disediakan untuk setiap calon  Bersoal jawab dengan pentaksir (dari sekolah lain)  <b>Bahagian B</b> Kumpulan Satu tajuk/tema umum disediakan untuk perbincangan dalam kumpulan (3-5 orang satu kumpulan)	4 – 6 petikan  Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (wajib jawab semua soalan)  Jawapan berdasarkan petikan
4	Konstruk	<b>Kemahiran menulis</b> Mengaplikasi Menganalisis Menilai Mencipta	<b>Kemahiran membaca</b> Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai Mencipta	<b>Kemahiran mendengar dan bertutur</b> Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai	<b>Kemahiran mendengar</b> Memahami Mengaplikasi Menganalisis

**KARANGAN RESPONS TERHAD**  
**Format Baharu SPM Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)**

**KARANGAN RESPONS TERHAD**  
**Bahagian A Kertas 1 (1103/1)**

<b>1</b>	30 markah dan masa menjawab 30 minit Satu soalan saja dan wajib dijawab
<b>2</b>	Soalan dikemukakan daripada pelbagai bahan rangsangan merangkumi 18 tema dalam DSKP
<b>3</b>	Contoh bahan rangsangan seperti gambar ilustrasi, foto, kartun, iklan, dialog, e-mel, catatan
<b>4</b>	<b>Dua atau tiga</b> bahan dikemukakan. Murid perlu teliti dan fahami maklumat berkaitan tema/isu dalam setiap bahan
<b>5</b>	Tema dikemukakan dalam pernyataan soalan
<b>6</b>	Semua soalan berformat boleh dikemukakan dalam bahagian ini. Karangan berformat seperti surat rasmi, surat tidak rasmi, resume, syarahan, rencana
<b>7</b>	Calon perlu menulis karangan 150 hingga 200 patah perkataan

**Cadangan Binaan Perenggan**

**Pendahuluan**

- 3 ayat

**Perenggan Isi**

- 2- 3 isi
- 70 patah perkataan setiap isi

**Penutup**

- 3 ayat

**Contoh Soalan dan Cara Menjawab**

Maklumat di bawah berkaitan dengan keselamatan di jalan raya.

Huraikan pendapat anda tentang **keselamatan di jalan raya**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

<p style="text-align: center;"><b>Bahan 3</b></p> <p>Bila lintas jalan,jangan main-main Lihat kiri kanan, toleh ke belakang Lima langkah melintas perlu dipatuhi Jika tiada kereta,barulah melintas</p> <p>Bila lintas jalan,ikutlah laluan Lintasan belang ada di hadapan Bonceng motosikal pakai topi keledar Ikat ketat-ketat pastikan selamat</p> <p style="text-align: right;">Lagu Keselamatan di Jalan Raya Sumber : Internet</p>	<p style="text-align: center;"><b>Bahan 2</b></p> <p>Punca utama berlakunya kemalangan biasanya disebabkan oleh kecuaiannya pemandu itu sendiri. Ada antara mereka yang memandu sambil menggunakan telefon bimbit, memandu dalam keadaan letih, memandu secara berbahaya dan melanggar peraturan lalu lintas.</p> <p>Usaha mengelakkan kes kemalangan tidak sewajarnya diletakkan kepada agensi kerajaan sahaja, malah perlu melibatkan sokongan semua pihak.</p> <p style="text-align: right;">Sumber : Internet</p>
--	---

**Bahan 1**



## Panduan

### Langkah 1

Sebelum menjawab soalan karangan ini, murid mestilah menentukan tema karangan tersebut. Karangan ini bertemakan Keselamatan di Jalan Raya. Kata kunci soalan ini ialah (K- cara, punca). Format soalan ini ialah berformat umum, iaitu karangan yang memerlukan 3P iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan kesimpulan.

T- Kemalangan Jalan Raya

K – Cara, Punca, Contoh

F – Umum

### Langkah 2

Kenal pasti maklumat yang terdapat dalam bahan

- Data kemalangan jalan raya
- Punca kemalangan jalan raya
- Cara mengatasi

### Langkah 3 – Menulis perenggan pendahuluan

Perenggan pendahuluan hendaklah mempunyai dua jenis ayat, iaitu Ayat Rangsangan (AR) yang menjelaskan tema karangan dan Ayat Arahan (AA). Ayat arahan ialah ayat yang menjawab soalan atau kata kata kunci karangan.

Contoh pendahuluan:

AR1 – Keselamatan di jalan raya ialah aspek yang amat penting. (AR2) Setiap hari ada sahaja kes kemalangan jalan raya dilaporkan dalam media massa. (AA) Oleh itu, aspek keselamatan jalan raya perlu diambil perhatian oleh setiap masyarakat di negara kita.

### Langkah 4 – Menulis perenggan isi

Murid perlu analisis setiap maklumat berkaitan dengan tema yang terdapat dalam bahan.

Isi 1: Berdasarkan **Bahan 1** - Statistik kemalangan jalan raya

- Tahun 2019 – 281,257 kes kemalangan jalan raya seluruh negara
- Negeri Selangor – catat kes kemalangan paling tinggi (83,607)
- Johor (41,161 kes).
- Kes kematian paling tinggi (Selangor dan Johor), Perak ( 302 kes)

Isi 2: Berdasarkan **Bahan 2** – Punca kemalangan jalan raya

- Kecuaian pemandu sendiri – menggunakan telefon bimbit, memandu secara berbahaya-melanggar peraturan
- Semua pihak mengatasi kemalangan raya tanggungjawab semua pihak

Isi 3- Berdasarkan **Bahan 3** – Cara mengatasi kemalangan jalan raya

- Sentiasa berhati-hati ketika melintas jalan raya
- Penunggang motosikal memakai topi keledar dengan cara yang betul

**Penutup**

Ayat Simpul – Kesimpulannya, keselamatan jalan raya ada ada kaitannya dengan kes kemalangan jalan raya

Ayat Cadangan – semua pengguna jalan raya perlu berhati-hati dan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan

Ayat Harapan – Kes kemalangan jalan raya dapat diatasi melalui kerjasama semua pihak.

**Karangan Lengkap**

Keselamatan di jalan raya ialah aspek yang amat penting. Setiap hari ada sahaja kes kemalangan jalan raya dilaporkan dalam media massa. Oleh itu, aspek keselamatan jalan raya perlu diambil perhatian oleh setiap masyarakat di negara kita.

Berdasarkan statistik, kemalangan jalan raya di seluruh negara pada tahun 2019 ialah sebanyak 281,257 kes. Negeri Selangor mencatat jumlah kemalangan yang paling tinggi sebanyak 83,607 kes berbanding Johor hanya 41,161 kes. Selangor dan Johor mencatat kematian yang tertinggi iaitu 482 kes diikuti Perak sebanyak 302 kes.

Salah satu punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya ialah kecuaiannya pemandu itu sendiri. Ada yang memandu sambil menggunakan telefon bimbit, memandu secara berbahaya dan melanggar peraturan yang ditetapkan. Oleh itu, sikap tidak bertanggungjawab seperti ini perlu dihentikan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya.

Kemalangan jalan raya dapat diatasi sekiranya setiap pengguna jalan sentiasa berhati-hati ketika melintas jalan. Mereka perlu mematuhi lampu isyarat ketika melintas jalan raya. Selain itu, penunggang atau pembonceng motosikal juga perlu memakai topi keledar dengan cara yang betul agar keselamatan sentiasa terjaga kerana malang tidak berbau.

Kesimpulannya, keselamatan jalan raya ada ada kaitannya dengan kes kemalangan jalan raya. Oleh sebab itu, semua pengguna jalan raya perlu berhati-hati dan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Saya yakin kes kemalangan jalan raya dapat diatasi melalui kerjasama semua pihak.

*212 patah perkataan*

## Praktis 1

Maklumat di bawah berkaitan dengan sukan.

Huraikan pendapat anda tentang **kegiatan sukan**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kemajuan dalam bidang sukan menjadi semakin penting pada masa ini kerana bidang ini mampu mewujudkan perpaduan sejagat, memupuk keamanan dan meningkatkan imej sesebuah negara. Dasar Satu Murid Satu Sukan bertujuan untuk memastikan penglibatan setiap murid dalam aktiviti sukan di sekolah agar dapat mewujudkan budaya persaingan yang sihat, memastikan penglibatan semua murid dan melahirkan bakat-bakat sukan dari akar umbi dalam kalangan murid-murid di sekolah.

Sumber: Buku Panduan Pelaksanaan Dasar

Satu Murid Satu Sukan, 2011.



**Praktis 2**

Maklumat di bawah berkaitan dengan kelestarian alam.

Huraikan pendapat anda tentang kelestarian alam.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150-200 patah perkataan.

**Bahan 1**

Masa depan alam sekitar, kualiti kehidupan sejagat dan kesejahteraan generasi masa hadapan berada di tangan kita. Justeru, Hari Alam Sekitar tidak seharusnya disambut begitu sahaja tanpa wujudnya elemen untuk ‘menerap, mengajak dan mendidik’ masyarakat seluruhnya secara berterusan untuk terus memelihara dan memulihara alam sekitar sejagat. Sudah tiba masanya masyarakat Malaysia mengamalkan gaya kehidupan yang “mesra alam” secara meluas dalam kehidupan seharian mereka di samping turut terlibat sama secara aktif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar negara dan sejagat. Setiap anggota masyarakat perlu sedar bahawa usaha pemuliharaan patut menjadi teras dalam diri masing-masing, kerana kesedaran dalam diri setiap individu adalah sangat penting. Tidak ada makna sambutan hari alam sekitar diraikan setiap tahun, namun kesihatan dan kesejahteraan alam sekitar semakin merosot dan musnah akibat daripada tangan-tangan kita! "Hubungan masyarakat dan alam sekitar sememangnya rapat, malah kedua-duanya saling memerlukan.

**Bahan 2**

**MENDOKONG USAHA KELESTARIAN ALAM DAN SUMBER**

- Perberian TAHAP Kepada Semua Kerajaan Negeri RM400 juta**  
Termasuk Ecological Fiscal Transfer RM70 juta  
Insentif tambahan kepada Kerajaan Negeri untuk menjamin kelestarian biodiversiti Negara
- Green Technology Financing Scheme 3.0 RM2 bilion**  
• Sehingga 2022  
• Menggalakkan terbitan Sukuk SRI  
• Dijamin oleh DanaJamin
- Integrated Island Waste Management RM10 juta**  
Mengurangkan kesan kemusnahan terumbu karang & hidupan marin
- Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Geran Sukuk Hijau SRI**  
Dilanjutkan sehingga 2025  
Diperluas kepada semua jenis sukuk dan bon
- Dana bagi Inisiatif Pemeliharaan Alam Sekitar oleh NGO RM20 juta**  
Dengan padanan sumbangan yeyasan milik GLC
- Program SAVE 2.0 RM30 juta**  
• RM200 e- Rebote bagi pembelian peralatan cekap tenaga  
• Memanfaatkan 100,000 tel Rumah
- Penguatkuasaan Pemantauan Kualiti Alam Sekitar RM40 juta**  
Antaranya mewujudkan 30 stesen pemantauan dalam 5 tahun
- Program Penanaman Pokok Bakau RM20 juta**  
Memelihara kawasan paya bakau dan spesies pokok lain
- Program Perlindungan & Rondaan Biodiversiti RM20 juta**  
Pengambilan lebih 500 bekas tentera, polis & orang asli untuk menjalankan rondaan
- Bon Kelestarian**  
Pertama di Malaysia untuk tujuan alam sekitar dan sosial

**TEGUH KITA MENANG BERSAI**  
#Belanjawan2022treasury.gov.my

**Bahan 3**

**PANTUN SAYANGI ALAM**

Tercalit ranah di atas pelantar,  
 Sapu ke tepi cemar tak berubah;  
 Andai musnah alam sekitar,  
 Bersedia hadapi segala musibah.  
 Di hujung desa tumbuh halban,  
 Kian tenggelam dilitupi lalang;  
 Harta binasa nyawa terkorban,  
 Keindahan alam turut hilang.

**Praktis 3**

Maklumat di bawah ini menunjukkan penularan Covid-19 di negara kita. Huraikan pendapat anda tentang cara- cara menangani pandemik Covid-19. Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**Bahan 1**



**Bahan 2**

**KORONAVIRUS SERANG PERNAFASAN MANUSIA**

Jangkitan Koronavirus merupakan penyakit saluran pernafasan yang disebabkan oleh sejenis virus baharu yang dikenali sebagai Covid-19 yang kali pertama dikenal pasti di Wilayah Wuhan, China. Kes pertama jangkitan ini dilaporkan pada 30 Disember 2019, dalam masa empat minggu sahaja, lebih 4400 orang disahkan dijangkiti penyakit ini dan menyebabkan 107 kes kematian. Sebahagian besar jangkitan ini berlaku di Wilayah Wuhan, China, namun virus ini dengan pantasnya merebak ke 29 wilayah daripada 31 wilayah yang ada di China.

**Bahan 3**



**Praktis 4**

Maklumat di bawah berkaitan dengan perpaduan kaum.

Huraikan pendapat anda tentang **perpaduan kaum**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kepelbagaian merupakan kekuatan kita, namun jika tersilap langkah boleh juga menjadi malapetaka yang bakal menimpa kita pada bila-bila masa. Semua pihak harus mempunyai kesedaran dan sama-sama berganding bahu mempertingkatkan lagi nilai-nilai perpaduan antara kaum dan mewujudkan masyarakat madani yang cinta akan negara dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Perpaduan ini tidak ada timbang taranya dan tidak ternilai mahal harganya; kerana keharmonian sesama kita lebih utama dan mengatasi segala-galanya.

*Sumber: Dewan Siswa, Ogos 2017*

Petang hari pergi ke pekan,

Pulang membawa sebungkus laksa;

Hidup muhibah perlu diamalkan,

Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Tuan Puteri dari kayangan,

Senyuman manis seperti madu;

Bermacam-macam keturunan bukan halangan,

Untuk membina bangsa yang padu.

Pantun Perpaduan

*Sumber: Internet*



## Praktis 5

Maklumat di bawah berkaitan dengan keselamatan jalan raya.

Huraikan pendapat anda tentang **keselamatan jalan raya**.

Panjang huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Dr. Siti Zaharah Ishak "Pihak kerajaan akan mempergiat usaha seperti ini bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan pengguna jalan raya di negara dan rantau ini. Langkah ini adalah selaras dengan agenda keselamatan jalan raya negara dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mencapai sasaran dalam mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya di peringkat kebangsaan dan global".

Sumber : Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 - Usaha Meningkatkan Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Dipergiat

Terbang-terbang si burung nuri,  
 Hinggap sebentar di pohon jati;  
 Tanpa berfikir memotong kiri,  
 Bahaya datang sesalnya nanti.

Kak Limah bertudung ungu,  
 Berpayung ke kedai Pak Abu; Tak  
 sabar bahaya menunggu,  
 Kerana malang tidak berbau.

Pantun Keselamatan Jalan Raya Ilham:  
 Cikgu Lindar Nor



**Praktis 6**

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan kitar semula.

Huraikan pendapat anda tentang amalan **kitar semula**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

<p>Buah Langsung rasanya manis,                  Buah Kedondong cicah gula;                  Buang sampah mengikut jenis,                  Ke dalam tong sampah kitar semula.</p> <p>Sambil menulis makan Betik,                  Kertas ditulis terkena dakwat;                  Apabila alam sekitar cantik,                  Ramai pelancong akan melawat.</p> <p style="text-align: right;">Sumber : Internet</p>	<p>Semua pihak haruslah berganding bahu untuk memupuk amalan kitar semula dalam diri masyarakat dan tidak melepaskan tanggungjawab itu kepada kerajaan semata-mata. Sebagai rakyat Malaysia pula, kita seharusnya turut mempunyai inisiatif dalam mengubah diri bagi memupuk minat membaca dalam diri kita sendiri.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sumber : Internet</i></p>
---	--

## Jom kitar semula!

Kitar semula akan mengubah sisa menjadi sumber-sumber yang bernilai. Ia juga boleh mengurangkan penggunaan bahan-bahan semulajadi, menjana sumber kewangan & memberi faedah sosial

**Bahan yang boleh dikitar semula :**



**Kaca :**  
Lutsinar/berwarna, botol minuman, botol vitamin, bekas kosmetik

**Kertas :**  
Majalah, surat khabar, buku, kotak kadbod

**Plastik & Aluminium :**  
Lutsinar/berwarna, tin minuman & makanan

**Reduce (Kurangkan)**

- Beli produk isian semula.
- Gunakan kain tuala bagi menggantikan tisu.
- Gunakan emel untuk menghantar surat / dokumen

**Recycle (Kitar Semula)**

- Kertas surat khabar boleh dijadikan pelbagai kraftangan menarik

**Reuse (Guna Semula)**

- Bawa beg yang boleh diguna semula semasa membeli barang.
- Bawa bekas makanan sendiri.
- Guna semula bekas minuman sebagai hiasan atau bekas alat tulis



Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Infografik Bernama

**Praktis 7**

Maklumat di bawah ini menunjukkan kerjaya di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang **pemilihan kerjaya**.

Panjang huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Pekerjaan ‘kolar baharu’ seperti penjualan dan pemasaran dalam bidang teknologi maklumat (IT) mendapat permintaan tinggi susulan peningkatan kebergantungan kepada perkhidmatan teknologi yang membolehkan perniagaan menggunakan teknologi untuk tujuan bekerja dari rumah dan mencapai pelanggan baharu.

Berdasarkan Panduan Gaji Malaysia 2020/2021, memberikan fokus kepada lapan industri utama iaitu Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan; Kewangan dan Perakaunan; Jualan dan Pemasaran; Sumber Manusia dan Pentadbiran; Rantaian Bekalan dan Logistik; Kejuruteraan; Harta Tanah dan Pembinaan serta Teknologi Maklumat.

Sumber : Astro Awani, November 21, 2020



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Kami mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan/profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**IJAZAH**  
(KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)

» Pegawai Siasatan Gred P41  
[Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]  
- 33 kekosongan  
- 20 simpanan

Calon - calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Tarikh tutup permohonan baru bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada 02 Disember 2018 (Ahad) jam 11.59 malam.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA :**  
<http://www.spa.gov.my>

Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui <http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/ijazah/1980>.

## Praktis 8

Maklumat di bawah berkaitan dengan program kem motivasi pelajar.  
Huraikan pendapat anda tentang **Program Kem Motivasi Pelajar**.  
Panjang huraian hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.



### HARI PERTAMA

- 3.30 - 4.30 Petang : Pendaftaran  
Persiapan Kem  
MODUL 1 : Taklimat / Pembahagian Kumpulan /
- 4.30 - 5.30 Petang : Rehat / Solat Asar Berjemaah / Minum Petang
- 5.30 - 6.30 Petang : MODUL 2 : Membina Matlamat Kumpulan
- 6.30 - 7.30 Malam : Persiapan Diri Dan Makan Malam
- 7.30 - 9.00 Malam : Solat Maghrib / Kuliah Maghrib / Solat Isyak
- 9.00 - 11.00 Malam : MODUL 3 : Membina Bangunan Kumpulan

### HARI KEDUA

- 4.45 - 6.45 Pagi : Qiamullail / Solat Subuh Berjemaah
- 7.00 - 8.00 Pagi : MODUL 4 : Riadah
- 8.00 - 9.00 Pagi : Sarapan Pagi / Persiapan Diri
- 9.00 - 10.00 Pagi : MODUL 5 : Aktiviti kumpulan
- 10.00 - 11.30 Pagi : MODUL 6 : Pembentangan kumpulan
- 1.00 - 2.00 Petang : Makan Tengahari / Solat Zohor / Rehat
- 2.00 - 4.00 Petang : MODUL 7 : Kembara Amanah
- 4.00 - 5.30 Petang : Solat Asar Berjemaah / Minum Petang
- 5.30 - 6.30 Petang : Rehat
- 6.30 - 7.30 Malam : Persiapan Diri / Makan Malam
- 7.30 - 9.00 Malam : Solat Maghrib / Kuliah Maghrib / Solat Isyak  
Kuliah Maghrib ( Budaya Ilmu Membina Jatidiri Pelajar )
- 9.00 - 10.30 Malam : MODUL 8 : Siapa Aku
- 11.00 Malam : Rehat & Tidur

**Praktis 9**

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong. Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda ingin ceburi. Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- (a) keterampilan yang baik;
- (b) semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- (c) bakat kepimpinan;
- (d) ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- (e) kelayakan yang sesuai dengan jawatan.

**IJAZAH (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)**

**PEMILIHAN KADET PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD) BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM SESI 2021 (JABATAN PERKHIDMATAN AWAM)**

- Jumlah Kekosongan : 400  
- Jumlah Simpanan : 50

Calon yang telah mendaftar permohonan bagi jawatan tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **24 Mac 2020 (Selasa) jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA**  
<http://www.spa.gov.my>



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI** | 

PERMOHONAN UNTUK JAWATAN DI DALAM |  
PERKHIDMATAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

**PERINGATAN KEPADA PEMOHON**

1. Hanya satu salinan sahaja yang dimajukan kepada LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI. Permohonan lebih daripada satu jawatan hendaklah dibuat di dalam borang yang berasingan bagi tiap-tiap jawatan. Satu salinan tiap-tiap sijil atau surat lain hendaklah juga disertakan sebagai tanda si pemohon mempunyai kelayakan pelajaran atau kelayakan lain yang dikehendaki.
2. Jika seseorang pemohon sedang memegang jawatan Kerajaan atau mana-mana Perbadanan, permohonannya hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan.
3. Pemohon yang mempunyai syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan, dan hanya calon-calon yang layak selepas itu akan dipanggil untuk temuduga.
4. Sijil-sijil kelayakan dan maklumat peribadi tidak perlu disahkan.
5. Hanya sedakan sekeping gambar berukuran passport, diletakkan pada borang jawatan kosong.
6. Segala perbelanjaan yang berthubung dengan permohonan dan temuduga tidak akan dibayai oleh pihak Lembaga ini.


Sila Lelutikan Gambar Berukuran Passport Bersama

NAMA JAWATAN YANG DIPOHON

**BUTIR PERIBADI PEMOHON**

Nama Penuh :

No. K/P (Baru) :



**IJAZAH (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)**

**PEMILIHAN KADET PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD) BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM SESI 2021 (JABATAN PERKHIDMATAN AWAM)**

- Jumlah Kekosongan : 400  
- Jumlah Simpanan : 50

**Praktis 10**

Maklumat di bawah berkaitan dengan sukan elektronik atau e-sukan.

Huraikan pendapat anda tentang e-sukan.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kerjaya sukan elektronik semakin berkembang di negara ini dan berpotensi untuk menjadi karier yang mempunyai pendapatan lumayan dengan hanya bermain permainan video secara kompetitif. Mungkin beberapa dekad lalu, ramai pihak beranggapan bahawa permainan video ini hanya sebagai hobi namun perkembangan dunia masa kini sudah mengubah landskap secara keseluruhan dan menjadikan sukan elektronik atau e-sukan sebagai salah satu kerjaya yang menjanjikan pulangan pendapatan yang lumayan.

Sumber: [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my),

15 September 2020



**Praktis 11**

Maklumat di bawah berkaitan tentang pakaian tradisional.  
 Huraikan pendapat anda tentang **pakaian tradisional**.  
 Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**BAHAN 1**

**Pantun Pakaian Tradisional**

Cantik dara cantik teruna  
 Duduk Bersama di tepi jeti  
 Molek sekali si bunga cina  
 Kebaya merah menawan hati

Mudik sungai berakit-rakit  
 Rakit Bersama si Awang  
 Budiman  
 Baju Melayu berkain songket  
 Warisan bangsa zaman berzaman

Bermain sama bebudak sekawan  
 Hilai tertawa ternampak bangkai  
 Berkilau sinar Cheongsam  
 menawan  
 Alah membeli menang memakai

Patah hati apakah daya  
 Hilang kasih cari gantinya  
 Berkilau samfu tampak bergaya  
 Bergaya lagi jejak dalamnya

Bertenggek punai di pohon jati  
 Bersiul galak tiada hentinya  
 Sari dipakai menambat hati  
 Apakah saudari sudah berpunya?

Sumber: Internet

**BAHAN 2**



**BAHAN 3**



**Praktis 12**

Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotisme.

Huraikan pendapat anda tentang **semangat patriotisme**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**



Disini lahirnya sebuah cinta  
Yang murni abadi sejati  
Di sini tersemak cita cita  
Bercambah menjadi warisan

Andai ku terbang tak diterima  
Andai aku disingkirkan  
Kemana harusku bawakan  
Kemana harusku semaikan cinta ini

Betapa  
Dibumi ini ku melangkah  
Ke utara selatan timur dan barat  
Ku jejak

Aku  
Bukanlah seorang perwira  
Gagah menjunjung senjata  
Namun hati rela berjuang  
Walau dengan cara sendiri  
Demi cinta ini

Ku ingin kotakan seribu janji  
Sepanjang kedewasaan ini  
Ku ingin sampaikan pesanan  
Akulah penyambung warisan

*Lirik/penyanyi : Sudirman*

Pada hemat saya, 'Malaysia Prihatin' adalah melangkaui sikap prihatin terhadap kerjasama membasmi penyakit Covid-19 serta usaha kerajaan membantu kesusahan rakyat. Sejujurnya, aktiviti memasang bendera jua program yang mendorong kesedaran patriotisme negara adalah setakat memenuhi nilai-nilai luaran sahaja. Pendek kata, nampak meriah namun semangat kasihkan negara hanya bertahan untuk sementara.

Dipetik dan diubahsuai daripada kolumnis: *Malaysia Prihatin, apa ukurannya?*  
Profesor Madya Dr Huzili Hussin.  
Sumber Internet : Sinar Harian Online

**Praktis 13**

Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel tersebut. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

Panjang e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

e-mel 1

Daripada :	<a href="mailto:Ikazira@gmail.com">Ikazira@gmail.com</a>
Kepada :	<a href="mailto:Intanadlina@gmail.com">Intanadlina@gmail.com</a>
Subjek :	Kebaikan bidang pertanian
<p>Intan Adlina,</p> <p>Apa khabar Intan sekarang di sana? Saya mengharapkan Intan dan keluarga sihat sejahtera. Bagaimana kehidupan Intan setelah berpindah ke Tanah Rata Cameron Highland? Semoga Intan seronok menetap di sana.</p> <p>Intan, tahniah atas kenaikan pangkat dan menjadi pegawai pertanian di MARDI Cameron Highland. Banyak manfaat yang bakal kita peroleh apabila berbudi kepada tanah. Betul tidak Intan? Oleh itu, saya mohon bolehkah Intan menerangkan dan menjelaskan kebaikan-kebaikan bidang pertanian secara terperinci kepada masyarakat dan negara?</p> <p>Saya akan menanti e-mel daripada Intan. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar,</p> <p>Ikazira</p>	

e-mel 2

Daripada :	<a href="mailto:Nasiruddin@gmail.com">Nasiruddin@gmail.com</a>
Kepada :	<a href="mailto:Amarajdi@gmail.com">Amarajdi@gmail.com</a>
Subjek :	Usaha-usaha memajukan bidang perikanan dan penternakan
<p>Amar Ajdi,</p> <p>Apa khabar Amar Ajdi yang kini berada di Terengganu? Saya mengharapkan Amar Ajdi dan keluarga sihat sejahtera. Maaf kerana sudah agak lama saya tidak menghantar e-mel kepada Amar Ajdi.</p> <p>Sebenarnya, saya sedang menyiapkan satu kerja kursus tentang bidang Perikanan dan Penternakan. Kebetulan pula, keluarga Amar Ajdi terlibat dalam bidang ini dan telah berjaya menjadi usahawan yang dikagumi dalam bidang perikanan dan penternakan.</p> <p>Bolehkan saya mengetahui usaha-usaha yang dilakukan oleh keluarga Amar Ajdi sehingga menjadi usahawan yang berjaya dalam bidang perikanan dan penternakan.</p> <p>Saya sangat menanti e-mel daripada Amar Ajdi. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar,</p> <p>Nasiruddin</p>	

**Praktis 14**

Maklumat di bawah berkaitan dengan **amalan menabung**. Huraikan pendapat anda tentang **amalan menabung**. Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Menghias reben besama Odah,  
 Manik ditabur bunga digantung;  
 Simpan di bank banyak faedah,  
 Wang dilabur beroleh untung.

Jatuh ke reban buah kelapa,  
 Anjing menyalak sampai ke petang;  
 Ringankan beban ibu dan bapa,  
 Diri terelak dibebani hutang.

Kita selalu memberikan bermacam-macam alasan apabila membabitkan isu menabung. Misalnya, gaji yang kecil hanya cukup untuk menampung simpanan. Jika kita berjimat cermat sudah pasti kita dapat menyimpan wang, walaupun dalam jumlah yang sedikit. Selain itu, kita juga harus merekod perbelanjaan bulanan supaya jumlah perbelanjaan pada setiap bulan dapat kita ketahui dan bakinya dapat dimasukkan ke dalam tabung.



## KARANGAN RESPONS TERBUKA

### Format Baharu SPM Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

<b>1</b>	70 markah diperuntukan. Masa menjawab 1 jam 30 minit
<b>2</b>	Empat soalan berdasarkan domain dikemukakan. Calon jawab satu sahaja
<b>3</b>	Soalan berformat dan tidak berformat dikemukakan dalam bahagian ini
<b>4</b>	Jumlah patah perkataan 350 hingga 500 patah perkataan
<b>5</b>	Soalan dikemukakan berdasarkan doamian pembelajaran yang terdapat dalam DSKP  Domain Awam - Berkaitan dengan perkhidmatan, badan pentadbiran, aktiviti sosial, budaya dan kemasyarakatan  Domain Peribadi - Berkaitan dengan keluarga, rakan, jiran, masyarakat sekeliling dan isu semasa  Domain Pendidikan - Berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran  Domain Kerjaya - Berkaitan dengan alam pekerjaan

#### Cadangan Binaan Perenggan

##### Pendahuluan

- 4 ayat

##### Perenggan Isi

- 3 – 4 isi
- Minimum 5 ayat setiap isi
- 130 patah perkataan setiap isi

##### Penutup

- 4 ayat

## PANDUAN PEMARKAHAN BAHAGIAN B

### Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
4. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

(       ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

**BAHAGIAN B - DOMAIN AWAM****Praktis 1**

Perkembangan teknologi maklumat pada masa kini telah berkembang maju. Masyarakat juga telah mengalami transformasi kehidupan menjadi masyarakat yang menguasai bidang teknologi maklumat diujung jari terutama apabila kewujudan telefon pintar, komputer riba dan Internet yang semakin cepat kemaraannya. Menyedari perubahan ini, kerajaan Malaysia telah meletakkan matlamat supaya dapat melahirkan masyarakat yang menguasai teknologi maklumat selari dengan perkembangan dunia yang telah berlaku.

Sumber: Internet

Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan manfaat penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat di negara kita.

**Praktis 2**

Apabila semakin banyak permainan tradisional dipinggirkan dan digantikan dengan permainan berteknologi moden. Ramai kurang menyedari sebenarnya secara tidak langsung telah menghakis nilai-nilai murni yang mampu membentuk jati diri di sebalik permainan penuh nostalgia itu.

( Dipetik dan diubah suai daripada [http://www.aswara.edu.my/jangan buang permainan tradisional](http://www.aswara.edu.my/jangan_buang_permainan_tradisional)]

Petikan akhbar di atas menunjukkan maklumat tentang masa depan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat kini.

Jelaskan bagaimanakah permainan tradisional mampu membentuk jati diri dalam kalangan generasi muda di negara ini?

### Praktis 3

PUTRAJAYA: Aktiviti jual beli dalam talian mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus April lalu, ketika negara menguatkuasakan Perintah Kawalan pergerakan (PKP), bermula Mac 2020. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata peningkatan itu dicatatkan ketika sektor perniagaan lain termasuk francais mengalami kesan besar susulan penularan wabak COVID-19 sejak akhir Disember lalu sehingga kini.

*(Sumber : Berita Harian, 19 Jun 2020)*

Sebagai respons terhadap petikan akhbar di atas, menceburi bidang perniagaan dalam talian dapat meningkatkan ekonomi masyarakat dunia terutama sekali ketika ini masyarakat dunia sedang bergelut dengan pandemik Covid-19.

Anda ingin menulis sebuah rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah 'Kelebihan Perniagaan dalam Talian kepada Masyarakat Dunia'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

### Praktis 4

Sastera semakin terpinggir dan itu kesan negatif apabila promosinya berkurangan di akhbar. Sastera kini berubah jadi bahan yang eksklusif dan elitis. Skopnya kini hanya dimanfaatkan sebahagian manusia. Kehilangan Mingguan Malaysia sangat terasa kerana seminggu sekali akhbar ini medium berkala untuk menikmati karya sastera. Sebagai pecinta sastera, hati rasa puas dapat membaca karya rakan-rakan yang tersiar. Setiap Ahad apabila membeli akhbar, laman sastera paling awal diselak dan dibaca.

*(Sumber : Berita Malaysia, Astro Awani 4 Mei 2020)*

Petikan di atas menyatakan bahawa karya sastera semakin kurang diminati akibat arus pembangunan dan pemodenan yang begitu pesat dalam pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah harus diambil oleh semua pihak terutama warga sekolah bagi mengelakkan situasi ini terus berlaku dalam kalangan murid.

Huraikan usaha-usaha yang sewajarnya dilakukan oleh guru untuk mengembalikan minat murid terhadap karya-karya sastera.

**Praktis 5**

Kes rasuah di Malaysia amat membimbangkan. Berdasarkan statistik SPRM yang diperolehi oleh Utusan Malaysia, dalam tempoh enam tahun sahaja (2015 hingga 2020) sebanyak 5,652 individu ditahan dengan 2,683 daripadanya membabitkan penjawat awam diikuti 1,622 orang awam, 1,347 lagi lain-lain kategori termasuk pekerja swasta dan ahli politik

Sumber : <https://www.utusan.com.my>

Keratan akhbar di atas mengutarakan situasi gejala rasuah yang kian berleluasa dalam kalangan masyarakat khususnya penjawat awam yang sepatutnya menjadi tonggak pentadbiran negara. Jika tidak dibendung, jenayah ini mampu memusnahkan kedaulatan dan keselamatan negara.

Huraikan punca-punca gejala rasuah berlaku dalam kalangan masyarakat di negara kita.

**Praktis 6**

Permainan tradisional merupakan warisan budaya Malaysia yang tidak ternilai harganya. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan tradisional merupakan warisan nenek moyang kita yang melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa. Sekiranya permainan tradisional ini tidak dipertahankan, sudah tentu generasi muda tidak mengenali budaya warisan mereka.

Sumber : Internet

Petikan di atas menyatakan kepentingan permainan tradisional yang pernah dipopularkan oleh generasi terdahulu. Namun, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat terutama generasi muda kerana mereka lebih meminati permainan moden.

Huraikan langkah-langkah untuk memupuk minat generasi muda terhadap permainan tradisional.

**Praktis 7**

Pengurusan sumber semulajadi yang tidak terancang seperti pembalakan tidak terkawal, penerokaan tanah secara berleluasa, pelepasan gas karbon dioksida ke atmosfera, pembuangan sisa pepejal dan sebagainya menyebabkan pencemaran. Jika pengurusan sumber semula jadi ini tidak diuruskan dengan baik, ia turut menjejaskan kualiti hidup manusia dan alam sekitar. Justeru, masyarakat dunia kini menghadapi dua cabaran utama, iaitu isu perubahan iklim dan keselamatan tenaga. Kedua-dua isu ini harus ditangani secara kolektif dan efektif. Satu pendekatan yang kritis amatlah penting. Berdasarkan keperluan ini, teknologi hijau menjadi portfolio Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, (KeTHHA) yang ditubuhkan pada 9 April 2009. Teknologi hijau mempunyai peranan strategik yang lebih jauh daripada setakat mencapai autonomi tenaga dan menangani perubahan cuaca.

Sumber: Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah  
bharian Mac 13, 2015

Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan langkah-langkah untuk menangani pencemaran alam sekitar di negara ini.

**Praktis 8**

*Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pemuliharaan hidupan liar menggesa kerajaan mengamalkan langkah lebih kukuh terhadap pemburu haram yang memburu kucing besar terancam, terutama harimau Malaya kerana jumlahnya semakin berkurangan hingga tahap kurang 200 ekor. Walaupun undang-undang untuk melindungi hidupan liar di Malaysia Timur menawarkan perlindungan sepenuh untuk hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, undang-undang semasa bagi Semenanjung masih membuat pengecualian untuk pemburu dengan permit khas yang masih boleh memburu hidupan liar dilindungi sepenuhnya seperti gajah dan harimau.*

Sumber : BH Online Mac 5, 2020

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan langkah-langkah membendung kepupusan hidupan liar.

## Praktis 9

*BUSANA Melayu terutama baju Melayu mempunyai daya penarik tersendiri dan unik selain satu-satunya jenis pakaian tradisi yang mampu membuatkan si pemakainya kelihatan segar. Proses evolusi pakaian Melayu mencapai tahap tertinggi pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Dikatakan, rekaan baju Melayu mula dihasilkan pada zaman kesultanan Melaka sekitar 700 tahun lalu apabila Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Melaka kedua yang mahukan pakaian diraja. Baju Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu baju (seakan-akan kemeja lengan panjang) dan seluar panjang, dilengkapi samping dan songkok. Pakaian tradisional ini mempunyai dua jenis garisan leher iaitu cekak musang dan teluk belanga. Baju Melayu berwarna hitam dengan kain songket hitam bersulam dengan benang emas disifatkan satu bentuk pakaian rasmi yang digunakan untuk acara rasmi negara. Rekaannya pula bukan sekadar untuk kelihatan bergaya, sebaliknya mempunyai falsafah dan pengertian mendalam yang mengangkat kemuliaan Islam serta ketinggian budaya masyarakat Melayu.*

Sumber: <https://www.hmetro.com.my>

Berpandukan artikel tersebut, huraikan usaha-usaha mengekalkan pemakaian pakaian tradisional kepada rakyat Malaysia.

## Praktis 10

Malaysia memerlukan dasar dan tekad yang didorong oleh semangat kemakmuran bersama untuk melonjakkan industri kraf negara ke tahap pertumbuhan ekonomi lebih tinggi. Dasar ini diharap dapat menggalakkan kemajuan dan pertumbuhan industri kraf, menjaga dan melindungi kepentingan usahawan serta industri kraf, mengatasi masalah ketidakseimbangan yang wujud dan mengekalkan seni warisan kraf tempatan.

(Sumber: *Sinar Harian*, 7 Oktober 2019)

Sebagai respons terhadap isi kandungan akhbar di atas, industri kraf tangan wajar dimajukan demi mengekalkan seni warisan kraf tempatan.

Tulis rencana tentang “Usaha-usaha Pelbagai Pihak Memajukan Industri Kraf Tangan” selengkapnya.

**Praktis 11**

Tugas paling mendesak bagi rakyat Malaysia kini tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik adalah memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh. Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perkara itu hanya boleh dicapai jika semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama. Berikutan itu, katanya, penting bagi semua rakyat yang sederhana dan patriotik untuk terus memperjuangkan usaha membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

*Sumber: Berita Harian, 9 September 2019*

Petikan di atas menyatakan bahawa rakyat Malaysia perlulah mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan fahaman politik. Pelbagai langkah yang harus dilakukan untuk menerapkan semangat perpaduan.

Jelaskan usaha-usaha untuk memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

**Praktis 12**

Subang Jaya – Cabaran komuniti masa kini adalah berhadapan dengan isu kebersihan yang memberi kesan terhadap kesejahteraan dan keceriaan komuniti khususnya mereka di kawasan flat kos rendah, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Menurut beliau, jika isu kebersihan tidak ditangani, masalah lain seperti peningkatan kes jenayah, kemerosotan tahap kesihatan, isu kejinan dan masalah sosial yang memberi kesan dalam aspek pematuhan peraturan bandaraya.

*Sumber: Sinar Harian, 14 Mac 2021*

Petikan di atas menyatakan kepentingan menjaga kebersihan untuk kesejahteraan dan keceriaan komuniti. Oleh hal yang demikian, semua pihak memainkan peranan dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan kawasan persekitaran.

Huraikan kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan persekitaran.

**Praktis 13**

Lagu Hijau - Zainal Abidin

Bumi yang tiada rimba  
Seumpama hamba  
Dia dicemar manusia  
Yang jahil ketawa

Bumi yang tiada udara  
Bagai tiada nyawa  
Pasti hilang suatu hari  
Tanpa disedari

Bumi tanpa lautan  
Akan kehausan  
Pasti lambat laun hilang  
Duniaku yang malang

Dewasa ini kita saling merayakan  
Kejayaan yang akhirnya  
membinasakan  
Apalah gunanya kematangan  
fikiran  
Bila di jiwa kita masih lagi muda  
Dan mentah  
Ku lihat hijau

Lagu Hijau nyanyian Zainal Abidin berkeluh-kesah tentang keadaan alam sekitar negara kita yang semakin tercemar angkara kerakusan manusia menjarah alam sekitar.

Tulis rencana anda yang bertajuk 'Usaha-usaha melestarikan alam sekitar di negara kita.

**Praktis 14**

Kurikulum baharu Pendidikan Keselamatan Jalan Raya ( PKJR) yang telah diperkenalkan disifatkan sebagai tepat pada masanya dalam usaha membudayakan keselamatan sejak usia kanak-kanak.

Pengerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, nilai murni seperti menghormati undang-undang, memandu secara berhemah dan menghormati pengguna jalan raya yang lain perlu disemai di peringkat sekolah.

Sumber : BH Online, Sabtu, 2 Februari 2019

Petikan akhbar di atas memaparkan sebahagian daripada langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang seperti tiada kesudahannya.

Tulis rencana tentang penyelesaian terbaik bagi menangani masalah ini untuk disiarkan dalam majalah sekolah anda.

**DOMAIN PERIBADI****Praktis 1****TEMA 9 (DSKP): Ekonomi, Keusahawanan Dan Pengurusan Kewangan**

Semua orang tahu bahawa menyimpan wang adalah sesuatu yang asas dan perlu dilakukan, namun adalah sukar untuk dilakukan secara konsisten. Sebahagian besar daripada jumlah pendapatan kita pada hari ini, terpaksa digunakan untuk membayar hutang dan sebagainya, malahan ada dalam kalangan kita yang berbelanja lebih daripada pendapatan.

Sumber: Majalahlabur.com  
28 Feb 2020

Berjimat cermat membawa maksud berhemat atau berhati-hati dalam penggunaan wang, elektrik, air ataupun lain-lain keperluan seharian kita. Amalan berjimat cermat merupakan satu amalan yang terpuji dan membawa pelbagai faedah kepada kita.

Tulis sebuah karangan tentang cara-cara individu untuk mengamalkan budaya berjimat cermat dalam kehidupan mereka.

**Praktis 2****TEMA 1 (DSKP) : Kesihatan dan Kebersihan**

“Kajian terbaharu menunjukkan bahawa penurunan berat badan sebanyak tujuh hingga 10 peratus melalui pemakanan dan gaya hidup sihat dapat mengelakkan individu yang berada dalam kategori pradiabetes daripada menjadi diabetes. Individu yang didiagnosis mengalami T2DM kurang dari tiga tahun boleh menterbalikkan penyakit diabetes mereka dengan penurunan dan pengekalan berat badan sebanyak 15 peratus. Penurunan berat badan ini dapat dilakukan melalui bantuan produk penggantian makanan, diet rendah kalori atau pembedahan bariatrik serta senaman yang berterusan.”

Dipetik daripada ucapan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah  
*Utusan Malaysia* 30 Januari 2021.

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Jelaskan peranan-peranan tersebut.

**Praktis 3****TEMA 12 (DSKP) : Sukan dan Rekreasi**

Bidang sukan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara. pelbagai aktiviti sukan diperkenalkan bagi menarik minat murid agar mengamalkan gaya hidup sihat. Sukan seharusnya mendapat pengiktirafan, sokongan dan galakan yang sama dengan bidang akademik supaya dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi kesejahteraan minda dan jasmani.

*Sumber Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan kepentingan penyertaan murid dalam bidang sukan.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara untuk mempromosikan kelab sukan di sekolah.

**Praktis 4****TEMA 12 (DSKP) : Sukan dan Rekreasi**

Sukan air adalah antara sukan yang digemari pada masa kini. Aktiviti seperti berenang, berkayak dan berakit semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Tetapi kita kadangkala lupa kepada aspek keselamatan dan tidak mengambil berat tentangnya atau mengetahui tetapi ambil sikap tidak kisah. Jika kita berpegang kepada peraturan, kemungkinan kemalangan dapat dielakkan terhadap anak, keluarga dan rakan.

Sumber : Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang aktiviti yang melibatkan badan air.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan di badan air.

**Praktis 5****TEMA 3 (DSKP) : Perpaduan**

Jiran ialah orang yang tinggal di sekeliling rumah kita, iaitu di sebelah, di hadapan, dan juga di belakang rumah kita. Jika kita tinggal di satu taman atau di sebuah kampung yang sama, mereka akan dikenali sebagai jiran tetangga kita. Jiran sangat penting kerana merekalah yang akan menjadi sahabat kita dan orang yang akan membantu kita apabila kita menghadapi kesusahan nanti.

*Sumber Internet*

Petikan di atas menjelaskan bahawa jiran merupakan golongan yang sangat penting dalam kehidupan kita.

Jelaskan usaha-usaha anda lakukan bagi memupuk semangat kejiranan yang semakin pudar dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

**Praktis 6****TEMA 5 (DSKP) : Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan**

Pemimpin-pemimpin negara Malaysia yang terdahulu telah banyak menyumbangkan jasa kepada rakyat terutamanya dalam mencapai kemerdekaan, mengekalkan toleransi antara kaum serta memacu perkembangan ekonomi negara.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menjelaskan betapa pentingnya sumbangan dan jasa pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu. Namun belakangan ini, jasa tokoh-tokoh kemerdekaan negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tun H.S. Lee dan Tun Sambanthan semakin dilupakan.

Sebagai remaja yang berjiwa patriotik, bincangkan cara-cara anda menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara.

**Praktis 7****TEMA 6 (DSKP) : Sains, Teknologi dan Inovasi**

Buli siber di negara ini berada pada tahap serius ketika ini dan masyarakat perlu bersedia menghadapi ancaman berkenaan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab. Beliau berkata, jika tidak dibendung akan menjadi ancaman kepada diri dan masyarakat kerana buli siber dikesan lebih bahaya berbanding buli secara fizikal kerana boleh dilakukan sesiapa sahaja. “Mangsa tidak kenal individu yang membuli kerana *anonymity* disediakan melalui internet. Dengan ‘penonton’ yang ramai, kes membabitkan buli siber akan berulang kerana bahan itu kekal dalam internet sekali gus menyebabkan mangsa buli terus tertekan dan dalam sesetengah kes menimbulkan keinginan membunuh diri,” katanya kepada Berita Harian

Sumber: Bunuh diri angkara buli siber  
Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Feride Hikmet Atak  
*Berita Harian*, Januari 3, 2018

Petikan akhbar di atas merupakan sebahagian daripada kata-kata Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab yang menyarankan agar buli siber yang mengancam individu dan masyarakat perlu dibendung segera.

Huraikan punca-punca buli siber dalam kalangan remaja.

**Praktis 8****TEMA 1 (DSKP) : Kesihatan Dan Kebersihan**

Pepatah dalam bahasa Arab yang bermaksud, “**Kebersihan itu sebahagian daripada iman**”. Mendalami kandungan tersirat pepatah tersebut, jelaslah bahawa kebersihan merupakan rukun utama untuk menentukan tahap tinggi atau rendah keyakinan seseorang terhadap Khaliq. Kebersihan juga menjadi lambang ketamadunan dan taraf berfikir sesuatu bangsa sama ada bertaraf maju atau primitif. Oleh hal yang demikian, kebersihan sering menjadi kayu ukur akan kesejahteraan hidup berdasarkan slogan, “Rakyat Bersih Negara Sejahtera”.

*Sumber: Internet*

Sebagai respon terhadap pepatah dalam Bahasa Arab di atas, jelaslah bahawa setiap individu perlu menjadi kebersihan diri sebagai satu amalan bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Huraikan **peranan-peranan anda** sebagai individu yang mementingkan kebersihan diri.

**Praktis 9****TEMA 1 (DSKP) : Kesihatan dan Kebersihan**

**Pendermaan organ** adalah satu proses mendermakan organ seseorang untuk tujuan transplantasi (pemindahan organ). Di Malaysia, pendermaan organ dan transplantasi telah bermula sejak tahun 1975. Ia merupakan satu amalan yang mulia dan kebaikan yang sangat besar nilainya. Selain menyelamatkan nyawa, transplantasi organ akan membolehkan seseorang pesakit menjalani kehidupan yang jauh lebih baik daripada sebelumnya. Dengan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ, kita telah melahirkan satu hasrat yang sangat murni untuk berjasa kepada mereka yang sangat memerlukan.

*Sumber: Portal Rasmi NTRC, Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur*

Pernyataan di atas menyatakan manfaat-manfaat yang diperoleh oleh pesakit organ yang mendapat pemindahan organ di Malaysia. Malangnya, tidak ramai masyarakat yang mempunyai kesedaran untuk menderma organ pada hari ini.

Jelaskan **manfaat-manfaat** yang akan diperoleh oleh individu yang mendapat pemindahan organ tersebut.

**Praktis 10****TEMA 15 (DSKP) : Bahasa dan Kesusasteraan**

Bila sebut bahasa kurang sopan, tergambar perkataan kotor, mencarut dan ayat-ayat maki hamun yang keluar daripada percakapan seseorang. Tidak dinafikan adakalanya ayat-ayat yang disebut sangat memalukan khususnya di tempat awam, namun remaja masa kini seolah-olah sudah tebal dan kebal perasaan malu mereka. Sebagai orang lama, kita berasa sangat kagum pada kehalusan budi dan tutur cara berkomunikasi masyarakat dulu yang sentiasa berlapik dan berhati-hati apabila bercakap, perkembangan budaya bahasa kasar dan kurang sopan ini amat terkesan dalam jiwa.

*Sumber: Sinarharian.com.my  
18 November 2019*

Semua perkataan yang diucapkan mestilah membawa kebaikan. Melalui adab bercakap yang dijaga akan terserlah kesungguhan dan usaha dalam menuntut ilmu kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan.

Tulis sebuah karangan tentang kepentingan beradab semasa bercakap dalam kalangan mudamudi pada masa kini.

**Praktis 11****TEMA 17 (DSKP) : Integriti**

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Kemarahan menghasilkan ketegangan fizikal dan psikologi. Seseorang yang dalam keadaan marah juga cenderung untuk mengeluarkan kata-kata kesat. Oleh itu, apabila seseorang dalam keadaan marah, dia perlu mendiamkan diri. Perlakuan diam ini dapat meredakan pertengkaran daripada terus berlanjutan. Tindakan ini dapat mengelakkan perkara yang lebih buruk daripada berlaku dan tidak mengeruhkan keadaan.

*(Sumber: [www.myhealth.gov.my/pengurusan-kemarahan](http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-kemarahan))*

Pelajar yang bersikap positif dapat menjalani pembelajaran dengan lebih baik. Namun terdapat segelintir pelajar yang cenderung kemurungan akibat kurang mampu mengawal perasaan marah.

Sebagai seorang remaja, bagaimanakah cara anda mengawal kemarahan secara bijaksana?

**Praktis 12****TEMA 6 (DSKP) : Sains, Teknologi dan Inovasi**

Situasi malapetaka COVID-19 telah memberi kesan ke seluruh dunia termasuklah Malaysia. Sebagai contohnya tempoh KPK telah dillanjutkan sehingga 14 April 2020. Walau bagaimanapun aktiviti rakyat boleh ditingkatkan menerusi penjanaaan aktiviti di dalam rumah sewaktu sewaktu krisis dengan menggunakan perkakasan mudah alih mereka dan juga kemudahan jalinan rangkaian tanpa wayar.

Sumber: Ucapan Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, pembelajaran secara maya memberi banyak manfaat kepada pelajar di samping itu dapat meningkatkan kemahiran Teknologi dan maklumat (ICT).

Perincikan kebaikan-kebaikan pembelajaran secara maya kepada pelajar.

**Praktis 13****TEMA 14 (DSKP) : Pendidikan**

"Ini menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan 'home-based learning' agak terhad jika dibandingkan dengan kaedah secara bersemuka," katanya dalam sidang media khas di sini, hari ini. Mohd Radzi berkata, jika situasi itu berterusan, murid akan menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang diikuti."Ini akan memberi kesan kepada minat dan motivasi murid untuk terus mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Beliau berkata, kementerian yakin murid, ibu bapa dan guru menyedari betapa perlunya sekolah dibuka semula bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat.

Sumber: PdP dalam talian kurang berkesan.  
Julai 1, 2020 @ 4:50pm  
*bhnews@bh.com.my*

**Praktis 14****TEMA 12 (DSKP) : Sukan dan Rekreasi**

“Mereka juga akan lebih berisiko menjadi gemuk kerana kurang bersukan. Kanak-kanak yang gemuk berisiko pula mendapat kencing manis, tekanan darah tinggi dan kanser apabila dewasa.”

(Dipetik daripada ucapan Dr. Fiona Chew Lee Min,  
Pakar Perunding Oftalmologi dan Pediatrik Oftalmologi  
*MyMetro*, 16 Oktober 2019)

Petikan akhbar di atas menunjukkan bahawa kurang bersukan banyak mendatangkan implikasi negatif kepada kanak-kanak.

Tulis karangan tentang faedah-faedah bersukan kepada remaja.

**Praktis 15****TEMA 12 (DSKP) : Sukan dan Rekreasi**

“Sukan air mempunyai potensi untuk dikembangkan memandangkan Malaysia mempunyai khazanah alam semula jadi yang banyak dan menarik.”

“Kita harus menjadi seperti Australia yang muncul sebagai negara sukan air kerana minat penduduknya terhadap sukan itu, malah semua pihak di negara berkenaan juga memainkan peranan dalam segala jenis aktiviti sukan air,” katanya.

(Dipetik daripada ucapan bekas Parlimen Port Dickson,  
Datuk Seri Anwar Ibrahim  
*Berita Harian*, 10 November 2018)

Sebagai respon terhadap kandungan ucapan di atas, anda sebagai rakyat Malaysia perlu memainkan peranan untuk menyertai aktiviti sukan air. Aktiviti sukan air juga adalah antara acara sukan yang penting dalam sukan bertaraf antarabangsa.

Bincangkan kepentingan sukan air kepada remaja.

**Praktis 16****TEMA 14 (DSKP) : Pendidikan**

Gagal sekali tidak bermakna gagal selama-lamanya. Oleh itu, saya akan meningkatkan usaha dan menguatkan azam serta kekuatan untuk bangkit semula bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.

Sumber: Syazana Ahmad  
Murid tidak cemerlang PT3 tetapi cemerlang SPM

Jika anda gagal dalam pelajaran, masa depan anda tidak semestinya gelap selagi anda mempunyai kesungguhan untuk berjaya seperti murid cemerlang di atas, iaitu Syazana Ahmad.

Jelaskan usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

**Praktis 17****TEMA 14 (DSKP) : Pendidikan**

Persediaan remaja bererti langkah yang perlu dilakukan oleh remaja, manakala cabaran hidup moden bermakna halangan yang bakal ditempuhi pada zaman moden ini. Secara umumnya, pelbagai langkah yang perlu dilakukan oleh remaja untuk membolehkan mereka menempuh cabaran hidup yang pelbagai pada hari ini dan pada masa akan datang. Kemahiran juga amat penting dalam dunia moden hari ini. Sehubungan dengan itu, remaja hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran yang diminati.

*Sumber : Internet*

Petikan di atas menyatakan kemahiran yang perlu dilengkapi oleh remaja untuk mendepani pelbagai cabaran hidup pada masa yang akan datang.

Bincangkan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh para remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran dalam era globalisasi.

**Praktis 18****TEMA 15 (DSKP) : Bahasa dan Kesusasteraan**

Bahasa dan persuratan Melayu diangkat pejuang kemerdekaan sebagai antara asas nasionalisme dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Selama enam Dekad Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan perancangan bahasa, khususnya dalam bidang pembinaan dan pengembangannya, selepas bahasa Melayu ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan pendidikan serta bahasa bagi segala ranah peradaban negara.

Sumber : *Bharian.com.my*

Berdasarkan petikan di atas, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan yang sangat penting dalam pengembangan bahasa di Malaysia.

Huraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada remaja.

**Praktis 19****TEMA 12 (DSKP) : Sukan dan Rekreasi**

“Daripada menghabiskan masa hujung minggu dengan aktiviti tidak berfaedah, lebih baik habiskan masa dengan mendaki. Mendaki bukan sahaja boleh menambah kenalan dan menghilangkan tekanan tetapi juga dapat menjadikan seseorang lebih berani.” Menurut Aimi Syazwani, “Pada masa yang sama kita akan belajar menghargai alam dan meningkatkan tahap ketahanan fizikal serta mental.”

Sumber : *Harian Metro*,  
Sabtu, 9 November 2019.

Petikan akhbar menerangkan bahawa sukan lasak seperti mendaki gunung, berkayak, lumba basikal dan kembara, dapat membentuk individu yang mempunyai ketahanan diri dan berani menghadapi cabaran.

Ulas pernyataan tersebut.

**Praktis 20****TEMA 1 (DSKP) : Kesihatan dan Kebersihan**

Sehingga kini, Malaysia berada di tempat ketiga bagi jumlah kes jangkitan COVID-19 di Asia Tenggara selepas Indonesia dan Filipina dan tempat keempat bagi jumlah kematian akibat COVID-19 di Asia Tenggara selepas Indonesia, Filipina dan Myanmar. Setakat 14 Mei 2021, terdapat sebanyak 462,190 kes yang telah disahkan di Malaysia dengan sebanyak 418,897 kes sudah pulih sepenuhnya dan 1,822 kes kematian serta 41,471 kes masih aktif.

*Sumber : ms.m.wikipedia.org*

Berdasarkan petikan di atas, kes COVID-19 di Malaysia semakin meningkat dan tidak ada tanda-tanda penurunan. Perkara ini amat membimbangkan semua pihak.

Sebagai remaja yang prihatin, apakah tanggungjawab anda bagi memastikan jangkitan COVID-19 semakin berkurangan di negara kita.

**DOMAIN PENDIDIKAN****Praktis 1**

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, berdasarkan kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan bagi tahun 2017 mendapati satu daripada lima remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun mengalami gejala kemurungan, dua daripada lima remaja mengalami keresahan manakala satu daripada 10 mengalami stress. Katanya, yang merisaukan, kajian sama juga mendapati terdapat trend peningkatan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja iaitu peningkatan idea bunuh diri daripada 7.9 peratus pada tahun 2012 kepada 10 peratus pada tahun 2017.

Sumber : Harian Metro, 10 Oktober 2020

Petikan akhbar di atas memaparkan kajian tentang kesihatan mental remaja yang semakin membimbangkan. Bincangkan peranan pihak sekolah bagi mengatasi isu tersebut.

**Praktis 2**

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang kriteria sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah.

Sumber: Internet

Jelaskan langkah-langkah menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor.

**Praktis 3**

Projek perintis Sekolah Bestari pada peringkat awal dilaksanakan di Sembilan puluh buah sekolah di seluruh negara dan beroperasi sepenuhnya pada September 2002. Objektif utama secara jelas dan nyata menunjukkan bahawa Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam arus teknologi maklumat, maka graduan kelahiran Sekolah Bestari ini tentu mampu membekalkan tenaga kerja yang mencukupi.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Sekolah Bestari. Bincangkan kepentingan mewujudkan Sekolah Bestari.

**Praktis 4**

Pada masa ini Kementerian pelajaran Malaysia sedang berusaha untuk memperkasakan pendidikan di negara kita kerana pendidikanlah yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara. Menerusi pendidikan juga kita akan dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa, berkaliber dan kental jati diri. Walau bagaimanapun, hasrat murni kementerian ini menghadapi beberapa kekangan, antaranya termasuklah masalah disiplin murid di sekolah-sekolah.

Sumber: Internet

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan modus operandi menangani masalah disiplin murid.

**Praktis 5**

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM3 juta setahun melalui Program Intervensi Awal Kanak-kanak atau Early Intervention Programme (EIP) khusus bagi membantu golongan anak istimewa di negeri ini. Exco Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, peruntukan itu secara langsung untuk membantu golongan anak istimewa di Selangor mendapatkan perkhidmatan pendidikan, terapi dan pemulihan dalam memenuhi keperluan mereka.

Sumber: Sinar Harian, 3 November 2020

Berdasarkan petikan akhbar di atas, apakah langkah-langkah untuk membantu golongan OKU supaya tidak tercicir dalam pendidikan?

**Praktis 6**

Mod pembelajaran bersemuka dilihat sedikit mencabar dan terhad dalam pembelajaran alam maya. Namun begitu keadaan ini bukan alasan untuk tidak meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran seperti kebiasaan. Secara jelasnya memudahkan guru dan murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain tentang sesuatu topik.

Sumber : Internet

Sumber di atas menjelaskan bahawa pembelajaran secara maya telah diperkenalkan dan banyak dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Bincangkan kelebihan- kelebihan pembelajaran secara maya.

**Praktis 7**

Dalam era digital revolusi terkini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Pelaksanaan pembelajaran atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana dipercayai mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan.

Sumber : Internet

Petikan di atas menerangkan era digital dalam sistem pendidikan di Malaysia. Jelaskan kebaikan dan keburukan pembelajaran atas talian kepada masyarakat di Malaysia.

**Praktis 8**

Sejak dahulu, murid asrama telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan awam setanding dengan murid yang tidak tinggal di asrama. Walau bagaimanapun, murid asrama menunjukkan keupayaan yang rendah dari aspek penaaakulan, membuat unjukan dan mengaplikasi pengetahuan secara kreatif dalam suasana yang berlainan. Murid juga tidak mempunyai ciri – ciri kepimpinan untuk bersaing di peringkat global.

Sumber: Buku Konsep Transformasi 2013-2020

Petikan di atas menerangkan keupayaan pencapaian murid yang tinggal di asrama dan luar asrama. Huraikan bagaimana cara untuk menghasilkan murid yang cemerlang dalam semua bidang.

**Praktis 9**

Setiap murid mempunyai kelebihan yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, percampuran murid cemerlang dan murid lemah dalam satu kelas yang sama tanpa diskriminasi jurang kepandaian mampu memperlihatkan pelbagai implikasi yang positif terhadap budaya pembelajaran murid berdasarkan kelebihan yang dimiliki oleh mereka.

Sumber : Internet

Petikan di atas berkaitan kelas campur merangsang persekitaran pembelajaran kondusif. Huraikan manfaat dan cabaran kelas campur kepada guru dan murid.

**Praktis 10**

“ Untuk berjaya pada peringkat antarabangsa, kita perlu menguasai bukan sahaja satu bahasa malah pelbagai bahasa antarabangsa. Bagi tujuan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah untuk memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua negara, lantas dapat meningkatkan keupayaan murid menguasai ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi serta mempersiapkan mereka menghadapi persaingan arus globalisasi, selain menggalakkan murid menguasai bahasa-bahasa antarabangsa lain di dunia”

Dipetik daripada ucapan  
Tan Sri Muhyiddin Yassin  
*Utusan Malaysia* 20 Januari 2010

Petikan ucapan di atas berkaitan dengan kepentingan memperkukuh bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Huraikan usaha-usaha untuk memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

**Praktis 11**

Pembelajaran dalam talian terutama Google Classroom yang diamalkan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terbukti cukup membantu guru dan pensyarah selain aplikasi zoom bagi membolehkan interaksi secara terus dengan pelajar dapat dilakukan. Semuanya ini untuk memastikan pembelajaran pelajar tetap lancar walaupun mereka tidak berada di dalam kelas dan bilik kuliah. Bagaimanapun, tidak semua mendapat manfaat .

Sumber: *Sinar Harian*, Jumaat, 5 Mac 2021

Petikan akhbar di atas menyatakan maklumat yang berkaitan kebaikan pembelajaran dalam talian namun tidak semua pelajar yang mendapat manfaatnya.

Bincangkan faktor-faktor yang menghalang kejayaan usaha melaksanakan pembelajaran dalam talian.

**Praktis 12**

Kementerian Pengajian Tinggi menerima 58,668 permohonan lepasan Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) dan setaraf melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah Sarjana Muda bagi sesi akademik 2020/2021 di 20 buah universiti awam. Daripada jumlah itu, seramai 40,559 perempuan (69 peratus ) dan 18,109 lelaki (31 peratus) ditawarkan tempat.

Sumber: *Berita Harian*, Ogos 18, 2020

Kekurangan bilangan pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi berbanding pelajar wanita di negara kita tidak harus dipandang enteng.

Jelaskan punca-punca yang menyumbang kepada isu tersebut dan usaha-usaha bagi mengatasinya.

### Praktis 13

Gaya pembelajaran tuisyen semakin berkembang tumbuh di negara kita bahkan di seluruh dunia juga mempraktikkan kaedah ini bagi tujuan pengayaan dan pemulihan seiring dengan perubahan corak sistem pendidikan terkini. Hampir 60 peratus masyarakat kita pada hari ini lebih tertumpu dan melihat bahawa gaya pembelajaran tuisyen kini bagus dan berupaya melahirkan individu yang cemerlang dan terbaik dalam bidang akademik. Kesannya pada hari ini, banyak pusat tuisyen yang wujud di serata negeri, di kota mahupun di desa agar pelajar lebih baik dan cemerlang dalam pembelajaran di sekolah hari ini. Bilangan kelas pembelajaran tuisyen bertambah begitu juga dengan bilangan pelajar yang menghadiri kelas tuisyen kini semakin ramai. Selain itu, gaya pembelajaran tuisyen juga semakin berkembang apabila tuisyen jarak jauh atau gaya *online* diwujudkan di beberapa laman web yang bertujuan bagi memudahkan masyarakat untuk belajar secara efisien dan cepat serta mengikut trend terkini.

(Sumber : Ruzaini Awang, *Majalah Pelita Bahasa Edisi Jan 2013, DBP*)

Petikan artikel di atas menyatakan bahawa gaya pembelajaran tuisyen semakin berkembang pada era pendidikan hari ini. Pelbagai kelebihan gaya pembelajaran tuisyen kepada murid-murid yang jelas mampu meningkatkan prestasi mereka secara langsung dalam akademik.

Bincangkan kelebihan-kelebihan tersebut khususnya kepada murid-murid masa ini.

**DOMAIN KERJAYA****Praktis 1**

Penangguhan tarikh peperiksaan SPM pada tahun 2020 ke tahun 2021, tidak menjadi asbab untuk calon SPM tersebut patah semangat. Mereka tetap gigih berusaha dan sentiasa mengulangkaji pelajaran. Mereka tetap berhasrat untuk meraih keputusan yang cemerlang agar mereka layak mendapat tempat belajar di peringkat yang lebih tinggi. Bagi mereka, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi mampu merealisasikan impian kerjaya mereka.

Sumber: Internet

Sebagai seorang pelajar yang berwawasan tentunya anda mempunyai kerjaya impian anda sendiri. Tulis pendapat anda tentang langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk mencapai kerjaya impian anda.

**Praktis 2**

Hakikatnya, keadaan masa kini sangat terkesan kepada bakal graduan bagi tahun 2020. Kadar persaingan untuk memperoleh pekerjaan adalah sangat tinggi. Bakal graduan perlu bersaing untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Graduan yang mempunyai kemahiran dan kompeten, mempunyai suatu kelebihan dalam kebolehpasaran pekerjaan. Isu ini membolehkan majikan membuat pilihan dalam mendepani cabaran ketidaktentuan ekonomi semasa.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan persaingan graduan menghadapi cabaran dunia kerjaya.

Bincangkan persediaan-persediaan untuk menempuh alam pekerjaan.

**Praktis 3**

Kerjaya sukan elektronik semakin berkembang di negara ini dan berpotensi untuk menjadi karier yang mempunyai pendapatan lumayan dengan hanya bermain permainan video secara kompetitif. Mungkin beberapa dekad lalu, ramai pihak beranggapan bahawa permainan video ini hanya sebagai hobi namun perkembangan dunia masa kini sudah mengubah landskap secara keseluruhan dan menjadikan sukan elektronik atau e-sukan sebagai salah satu kerjaya yang menjanjikan pulangan pendapatan yang lumayan.

Sumber: [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my), 15 September 2020

Huraikan kelebihan-kelebihan sukan elektronik.

**Praktis 4**

**PENGANGGURAN** : Benarkah Mahasiswa memilih pekerjaan?

Sering bermain di fikiran bahawa apabila masuk universiti atau belajar di universiti, ianya akan menjamin pekerjaan yang lebih baik atau lebih selesa kepada seseorang mahasiswa. Kenyataan ini ada benarnya jika kita menoleh kepada sekitar tahun 70-an sehingga awal tahun 2000. Sama ada mahasiswa masa kini memilih kerja atau ada faktor-faktor lain yang telah secara tidak langsung menyumbang kepada masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa? Hal ini perlu diselidiki.

Sumber : Berita UMP , 9 April 2019.

Berdasarkan keratan berita di atas, kemukakan pendapat anda tentang cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh seseorang belia dalam mendapatkan pekerjaan.

**Praktis 5**

Budaya permainan gajet secara maya atau lebih dikenali sebagai E-sukan merupakan sukan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan remaja masa kini. Golongan remaja berpendapat bahawa sukan tersebut dapat menjana pendapatan mereka.

Sumber : Internet

Huraikan persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang yang hendak berjaya dalam sukan secara maya ini.

**Praktis 6**

Pada era globalisasi ini, sesetengah ekonomi di negara-negara maju telah berjaya kerana Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang diusahakan di dalam negara. Kebanyakan IKS merupakan bahagian utama ekonomi negara tersebut yang mencakupi lebih 98% daripada jumlah perniagaan dan menyumbang lebih 65% kepada pekerjaan serta lebih 50% daripada domestik negara. Meskipun di Malaysia angkanya lebih rendah namun, IKS berpotensi memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi dan menyediakan asas kukuh untuk menjana pertumbuhan industri baru.

Sumber : Internet

Petikan di atas menerangkan bahawa perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti industri makanan, industri tekstil dan industri kraf tangan telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Huraikan langkah-langkah yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu pengusaha Industri Kecil dan Sederhana agar terus bersaing dengan industri lain di Malaysia.

**Praktis 7**

Setiap individu mempunyai pelbagai tujuan apabila melibatkan diri dalam sesuatu kerjaya. Justeru, keputusan terletak di tangan remaja itu sendiri apabila menetapkan matlamat dalam kerjaya. Perkara asas yang hendak dilakukan terlebih dahulu adalah dengan menilai potensi diri dan disesuaikan dengan pilihan kerjayanya. Kemudiannya barulah melihat kaedah yang dapat meningkatkan dirinya dari satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi.

Sumber: *Dewan Siswa*, September 2017

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan penetapan dunia kerjaya.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan untuk memenuhi kerjaya impian.

**Praktis 8**

Sehingga hari ini nama Malaysia dikenali antara negara yang cemerlang melaksanakan kerja kemanusiaan sama ada di lokasi konflik mahupun bencana alam. Beberapa NGO Malaysia bergerak aktif dalam menyalurkan bantuan dan rehabilitasi kemanusiaan di Palestin, Syria, Yemen, Somalia dan Myanmar.

Menjadi sukarelawan perlu tahap disiplin yang tinggi. Sukarelawan perlu melaksanakan amanah dan iltizam yang berterusan.

Sumber: *Sinar Harian Online*.  
17 Januari 2020

Berdasarkan maklumat tersebut, aktiviti kesukarelawan memerlukan sokongan semua pihak.

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa untuk menimbulkan minat anak-anak mereka terhadap aktiviti kesukarelawan ini?

**Praktis 9**

KEMENTERIAN Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah sedia menimbang cadangan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mewujudkan portal khas bagi memudahkan mereka mencari pekerjaan. Menterinya, Datuk Stephen Wong Tien Fatt berkata, sehingga tahun lalu, seramai 34,981 OKU didaftarkan di negeri ini dengan 3,062 OKU berdaftar di daerah ini.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri bersedia mengikut langkah kerajaan Pusat menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mencadangkan majikan boleh menikmati potongan cukai dua kali ganda jumlah dibayar untuk menggaji kakitangan OKU.

“Saya fikir ia cadangan baik untuk wujudkan portal yang dapat membantu OKU mencari pekerjaan dan kita sedia kaji keberkesanannya.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my>

Berdasarkan petikan, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) perlu dibantu untuk meneruskan kehidupan mereka seperti orang yang normal.

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mendapatkan hak golongan OKU dalam pekerjaan yang sesuai dengan bakat dan kemahiran mereka.

**Praktis 10**

Encik Hoo Kiew Meow, pengurus kolam udang harimau memaklumkan bahawa beliau bersama pekerja-pekerjanya menguruskan 12 kolam udang setiap hari. Seterusnya, beliau memasarkan udang harimau tersebut bukan sahaja untuk keperluan tempatan, malahan turut mengeksportnya ke luar negara seperti Korea, Singapura, dan China. Biasanya, udang harimau dipasarkan dalam bentuk bungkusan dingin beku dan segar.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4, 2019

Bidang pertanian semakin mendapat sambutan dalam kalangan belia di Malaysia hari ini kerana menghasilkan pulangan yang lumayan.

Huraikan ciri-ciri seorang petani yang berjaya.

**Praktis 11**

Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh Yayasan Anak Watan Malaysia (Yawam) dan Persatuan Mahasiswa Muda (Permam) telah memberikan peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan.

Antara aktiviti yang dianjurkan ialah Program Bimbingan Tatacara Temuduga dan Taklimat Industri. Pengunjung mendapat beberapa tip untuk temuduga, antaranya termasuklah penyediaan resume, kemahiran berkomunikasi, persembahan *pitching* dan etika berpakaian. Bengkel dan taklimat semasa Kaunseling Kerjaya bersama panel penganjur membolehkan para pengunjung mendapatkan panduan dan latihan temuduga sebagai persediaan untuk temuduga sebenar.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4, 2019

Petikan di atas menerangkan persediaan remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam memilih kerjaya yang sesuai.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang remaja dalam memilih kerjaya yang diminati.

**SKEMA JAWAPAN  
BAHAGIAN A  
KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. Isi relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
KEPUJIAN	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	Karangan menepati tema bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Isi relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	Karangan masih menepati tema bahan rangsangan Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
KURANG MEMUASKAN	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	Karangan masih/kurang menepati tugas bahan rangsangan Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.
PENCAPAIAN MINIMUM	06 – 09	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM	(01 – 05)	

**BAHAGIAN A**[30 *markah*]**Praktis 1****Cadangan Jawapan****Format** : Tidak berformat**Pendahuluan** : Tema sukan**Isi:**

- Mewujudkan budaya persaingan
- Pelibatan semua murid
- Melahirkan bakat-bakat sukan

**Penutup** : Harapan rakyat terhadap bidang sukan negara**Cadangan isi tambahan:**

Pengalaman negara dalam penganjuran sukan bertaraf antarabangsa

Kejayaan atlet (murid) di pentas sukan dunia

Pembangunan sukan masa hadapan termasuk e-sukan

**Praktis 2****Cadangan Jawapan:**Pendahuluan

-Definisi dan kepentingan melestarikan alam sekitar

## Isi penting

1. Peranan masyarakat-mengamalkan gaya hidup mesra alam-penglibatan aktif dan mempunyai kesedaran tinggi - usaha memelihara dan mulihara alam sekitar- menentukan kejayaan usaha melestarikan alam
2. Peranan pihak kerajaan- memperuntukkan berbilion ringgit - mendokong usaha-usaha melestarikan alam sekitar- memandang serius -isu alam sekitar.
3. kesan kemusnahan alam sekitar-berhadapan dengan ancaman musibah-kerugian harta benda, dan kehilangan nyawa- keindahan alam sekitar terjejas.

Penutup

Kesimpulan,cadangan dan harapan

### Praktis 3

#### Pendahuluan

- Sejarah penularan koronavirus di dunia

#### Isi-isi penting (cara- cara menangani pandemik Covid-19.)

1. Tingkatkan kebersihan diri.-kerap mandi dan mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau menggunakan bahan pencuci tangan. Selain itu lakukan disinfeksi kawasan rumah.
2. Memakai pelitup separuh muka ketika keluar rumah. Tukar pelitup separuh muka dengan kerap.
3. Jaga jarak satu meter agar tidak bersentuhan.- elakkan mengunjungi kawasan sesak.- jangan bersalaman atau bersentuhan.

#### Penutup

Kesimpulan – – semua pihak perlu berganding bahu bekerjasama menangani pandemik ini demi kesejahteraan bersama.

Cadangan – masyarakat perlu mendidik diri untuk sentiasa berpandangan positif terhadap sesuatu perkara walaupun perkara itu adalah perkara negative.

Harapan – menghayati dan menghargai setiap hikmah di sebalik krisis ini merupakan pendekatan terbaik untuk mengharungi krisis Covid-19

### Praktis 4

#### Cadangan Jawapan Bahagian A

**Format :** Tidak berformat

**Pendahuluan :** Perpaduan

**Isi:**

- Ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan
- Ibu bapa hendaklah menyemarakkan budaya ziarah-menziarahi dalam kalangan masyarakat
- Pihak media cetak, media elektronik dan laman sosial menyebarkan maklumat mengenai semangat perpaduan.

**Penutup :**

- Harapan rakyat terhadap perpaduan di Malaysia

**Cadangan isi tambahan:**

- Badan bukan kerajaan (NGO) mengadakan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perdana, rumah terbuka, dan sukan rakyat
- Kerajaan menggalakkan rakyat supaya melibatkan diri dalam aktiviti sosial seperti persatuan atau pertubuhan.Kejayaan atlet (murid) di pentas sukan dunia

**Praktis 5**

Fokus soalan

**Langkah**

1. Langkah meningkatkan keselamatan jalan raya oleh pihak kerajaan.
2. Langkah Kerajaan dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mencapai sasaran dalam mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya di peringkat kebangsaan dan global.

**Punca**

1. Punca sikap kemalangan jalan raya – memotong kenderaan di sebelah kiri
2. Sikap pemandu yang tidak sabar sehingga mengundang bahaya

**Data**

Penunggang motosikal memakai topi keledar dengan betulnya dapat mengurangkan 40% risiko kematian dan 70% risiko kecederaan di kepala.

**Praktis 6****Langkah :**

1. Peranan Kerajaan : Kempen berterusan dan lebih sistematik
2. Peranan Ibu bapa : Budaya kitar semula di rumah
3. Peranan Sekolah : Program Tong Kitar Semula Di Setiap Kelas dan Sekolah
4. Peranan Swasta : Iklan dan Program

**Kesan :**

1. Penjimatan kos sisa pepejal
2. Budaya atau amalan kea rah negara maju
3. Sisa pelupusan berkurang
4. Barang boleh guna dapat dijana semula.

**Praktis 7**

Cadangan Jawapan

Format : Tidak berformat

**Pendahuluan**

Definisi:

1. Perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan
2. Profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**Isi-Isi Penting (Pemilihan Kerjaya)**

4. Minat dan cita-cita yang membawa kepada kepuasan kerja
5. Latar belakang akademik dan memiliki kemahiran teknikal dan insaniah yang tinggi
6. Pengaruh dan sokongan ahli keluarga
7. Ekonomi semasa, suasana pekerjaan, pembangunan kerjaya

**Penutupan**

Kesimpulan – individu perlu bijak dan proaktif dalam pemilihan kerjaya kerana kerjaya yang diminati membawa kepada keseronokan bekerja.

Cadangan – individu perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan berpersonaliti menarik untuk melaksanakan sesuatu kerja.

Harapan – melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran tinggi, berketerampilan dan dinamik dalam mengharungi dunia kerjaya dalam Revolusi Industri 4.0

**Praktis 8**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

Isi Penting

Antara idea yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:-

- Meningkatkan jati diri
- Membina keyakinan diri
- Suntikan minat untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh
- Dapat bergaul dengan pelajar-pelajar lain dan berkongsi idea serta pengalaman
- Dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang pelbagai
- Melakukan anjakan paradigma daripada negatif kepada positif

:

Pengalaman menyertai program motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah amat bermanfaat - pelbagai pengetahuan dan ilmu baharu diperoleh rebutlah peluang keemasan tersebut - masa itu emas dan jika tidak dipecahkan ruyung masakan dapat sagu

**Praktis 9****Contoh resume**

- 1.0 Jawatan kosong yang dipohon
- 2.0 Objektif dan Matlamat
- 3.0 Maklumat peribadi
- 4.0 Pendidikan
- 5.0 Pengalaman Kerja/ Latihan Industri
- 6.0 Anugerah Pencapaian
- 7.0 Kemahiran Bahasa
- 7.1 Bahasa
- 7.2 Komputer/ICT

**Praktis 10**

Cadangan Jawapan:

**Pendahuluan**

Definisi- sukan elektronik-sejenis bentuk pertandingan-permainan video- pertandingan melibatkan ramai pemain, terutama antara pemain profesional, atau secara individu sebagai pasukan.

**Isi-isi penting**

1. Pemain profesional dalam sukan elektronik mampu meraih pendapatan yang lumayan- hadiah kejohanan *Malaysia Cyber Games*- RM 300,000 – berkembang sebagai cabang kerjaya baharu pada masa hadapan – belia perlu rebut peluang pekerjaan- atlet profesional e-sukan.
2. Pembangunan e-sukan -mempercepat proses membina masyarakat digital- e-sukan diminati sebahagian besar golongan belia- peruntukan kerajaan bernilai RM 20 juta – pelaburan dalam ekosistem sukan elektronik tempatan-insfrastruktur, tempat, kemudahan digital -membuka peluang mewujudkan liga sukan elektronik- lebih ramai golongan belia terlibat -wahana untuk melahirkan lebih ramai atlet e-sukan- atlet profesional yang setanding atlet profesional negara luar-
3. E-sukan membantu melahirkan golongan belia berkemahiran tinggi -penglibatan dalam e-sukan memerlukan ilmu pengetahuan teknologi dan kemahiran ICT --membangunkan perisian mahupun terlibat dalam permainan video digital - negara akan mempunyai ramai golongan belia celik IT-antara permainan yang paling digemari-Defense of the Ancients 2 (DOTA2), League of Legends, FIFA 16 – melatih belia untuk cekap dan berkemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam masa singkat selain celik digital.

**Penutup**

Kesimpulan  
Harapan  
Cadangan

**Praktis 11**

Pendahuluan

- Malaysia sebuah negara yang indah dengan pelbagai budaya.
- Namun begitu, kebanyakan remaja Melayu pada era globalisasi lebih menyukai pakaian ala-ala barat – ancaman kepada kepupusan pakaian tradisional.
- Budaya pemakaian tradisional harus dipelihara kerana banyak kepentingannya.

Isi-Isi

1.	<p>Kesinambungan warisan bangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakaian tradisional mencerminkan identiti pemiliknya.</li> <li>• Contoh – baju Melayu dipakai pada hari raya, semasa menghadiri majlis perkahwinan, kenduri atau menunaikan solat Jumaat. Suku kaum di Sabah memilih warna hitam untuk pakaian tradisional mereka sebagai lambang kekuasaan yang dapat melindungi si pemakai daripada makhluk halus yang jahat.</li> <li>• Melalui budaya generasi muda tidak akan lupa asal usul mereka – seni bangsa sendiri dapat dihayati kerana tak kenal maka tak cinta.</li> <li>• Generasi muda ialah penyambung warisan bangsa mereka sendiri.</li> </ul>
2.	<p>Menambahkan seri si pemakai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Potongan pakaian tradisional menampilkan keistimewaannya orang yang memakainya</li> <li>• Contoh- baju kebaya dan cheongsam menjadikan si pemakainya kelihatan lebih menawan, sari dapat menambat hati orang lain yang melihatnya, jejak kelihatan bergaya dalam pakaian samfu.</li> <li>• menaikkan imej</li> </ul>
2.	<p>Mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan utama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia terkenal dengan pakaian tradisional yang indah dan unik dari segi rupa dan warna- mampu menjadi daya penarik kedatangan pelancong.</li> <li>• Citrawana Malaysia yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan Malaysia menonjolkan pakaian-pakaian tradisional kaum di Malaysia melalui persembahan yang diadakan.</li> <li>• Menimbulkan keterujaan para pelancong melihat warna- warni Malaysia.</li> <li>• Pakaian tradisional berupaya menjadi publisiti sektor pelancongan negara.</li> </ul>
3.	<p>Memberi suntikan kepada perpaduan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sudah menjadi kebiasaan bagi setiap masyarakat memakai pakaian kaum lain walaupun berlainan bangsa.</li> <li>• Contoh – pada masa sambutan atau perayaan tertentu kaum India memakai Cheongsam, kaum cina memakai baju kurung dan kaum Melayu memakai sari.</li> <li>• Memperlihatkan penerimaan kaum lain terhadap budaya kaum lain.</li> <li>• Bertukar-tukar tradisi budaya antara satu sama lain menunjukkan kesepaduan masyarakat.</li> </ul>

**Penutup**

- Jangan biarkan kebudayaan kita hanya dapat ditonton di muzium.
- Seharusnya kita bangga dengan pakaian tradisional sendiri.
- Budaya pemakaian tradisional seharusnya dikekalkan sepanjang zaman supaya tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas.

**Praktis 12**

## Cadangan Jawapan

## Pendahuluan

**-Patriotisme** adalah satu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara. Hal ini bukan sekadar luahan perasaan tetapi menuntut kepada penghayatan oleh setiap warganegara.

**Huraian isi**

- Patriotisme juga bukan sekadar semangat, tetapi patriotime merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan.

- Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Satu daripada caranya adalah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi dengan meraikan sambutan hari kemerdekaan Malaysia.

- bertemakan Masyarakat prihatin adalah melangkaui sikap prihatin terhadap kerjasama membasmi penyakit Covid-19 serta usaha kerajaan membantu kesusahan rakyat merupakan satu cara menyemai semangat patriotime dalam kalangan masyarakat.

**Penutup**

Rasa cinta akan tanah air merupakan salah satu warisan terhadap generasi akan datang. Semua pihak mempertahankan tanah air ini untuk kekal merdeka.

### Praktis 13

Cadangan Jawapan

**Tugasan :** Diharapkan calon dapat menulis e-mel yang perlu dijawab berdasarkan **salah satu e-emel sahaja**. Murid-murid perlu **mematuhi kepanjangan karangan antara 150-200 patah perkataan sahaja**.

#### Cadangan jawapan berdasarkan e-mel 1

1. Murid dikehendaki menerangkan **kebaikan-kebaikan** bidang pertanian kepada masyarakat dan negara
2. **Cadangan jawapan:**
  1. Memberi peluang kepada penduduk setempat untuk bekerja di dalam bidang pertanian
  2. Tiada lagi kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain.
  3. Menjana pendapatan sampingan.
  4. Menjamin keseimbangan ekologi.
  5. Meningkatkan taraf hidup masyarakat.

#### Cadangan jawapan berdasarkan e-mel 2

1. Murid dikehendaki menerangkan **usaha-usaha keluarga** untuk memajukan bidang perikanan dan penternakan
2. Keluarga merujuk bapa, ibu, adik-beradik, datuk nenek, diri sendiri dan saudara mara.
3. **Cadangan jawapan:**
  1. Ayah rajin mengusahakan bidang pertanian dan penternakan / ayah menjadi suri teladan.
  2. Adik-beradik menghadiri kursus perikanan dan penternakan.
  3. Ibu bersepakat dalam menguruskan pekerjaan.
  4. Membantu ibu dan ayah.

## Praktis 14

<b>Pendahuluan</b>	Menabung ialah amalan menyimpan wang yang diperolehi. Wang ini disimpan di tempat yang selamat seperti di bank atau dalam bentuk saham atau bon. Menabung juga dapat dikatakan seperti menyediakan payung sebelum hujan. Banyak kebaikan yang akan kita peroleh jika kita menabung.
<b>Kata Kunci 1</b>	<b>Berdasarkan bahan rangsangan 1 – Pantun : Kebaikan menabung Memperoleh keuntungan</b>
Mengapa	Wang yang disimpan di bank akan dibayar faedah manakala saham akan dibayar dividen.
Bagaimana	Caranya adalah dengan menyimpan wang di bank
Contoh	Wang yang disimpan akan dilaburkan oleh pihak bank
Kesan	Penyimpan akan mendapat keuntungan melalui tindakan serampang dua mata ini
<b>Kata Kunci 1</b>	<b>Berdasarkan bahan rangsangan 2 – Petikan : Usaha memupuk budaya menabung</b>
Mengapa	Hal ini dikatakan demikian kerana setiap orang akan mempunyai simpanan walaupun sedikit
Bagaimana	Kita boleh berjimat cermat dan merekodkan perbelanjaan hari
Contoh	Menyimpan lebih belanja ke dalam tabung
Kesan	Implikasinya, amalan menabung menjadi budaya dalam kehidupan
<b>Kata Kunci 1</b>	<b>Berdasarkan bahan rangsangan 3 – Bahan grafik : Membuka skim atau pelan simpanan pendidikan</b>
Mengapa	Tabung simpanan pendidikan penting supaya ibu bapa mempunyai wang yang mencukupi untuk pendidikan anak-anak mereka.
Bagaimana	Membuka akaun simpanan sejak anak berusia satu hari
Contoh	Membuat simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)
Kesan	Kesannya, rakyat Malaysia sedar kepentingan menyimpan wang
<b>Kesimpulan</b>	<b>Amalan menabung amat penting kepada masyarakat dan negara</b>
Cadangan	Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai simpanan wang
Harapan	Tindakan ini perlu untuk melahirkan masyarakat yang bijak membuat perancangan kewangan agar tidak hidup sekadar kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

## Karangan Respons Terbuka (70 markah)

### KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>(60-70)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis</li> <li>- ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>- penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> <li>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>(50 – 59)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>- penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa</li> </ul>
<b>BAIK</b>	<b>(40-49)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- penggunaan kosa kata umum</li> <li>- laras bahasa sesuai mengikut tugas</li> <li>- idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai</li> <li>- wacana masih lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa masih bervariasi</li> <li>- gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<b>(30-39)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata terhad</li> <li>- ayat kurang gramatis</li> <li>- ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- laras bahasa kurang sesuai</li> <li>- idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai</li> <li>- wacana masih/kurang lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi</li> <li>- gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>

<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<b>(20-29)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan kata kurang tepat</li> <li>- ayat tidak gramatis tetapi masih difahami</li> <li>- terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> <li>- idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- pengolahan tidak menarik</li> <li>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah</li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<b>(10-19)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis</li> <li>- kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> <li>- idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- pengolahan tidak menarik</li> <li>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai</li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik</li> </ul>
<b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENCAAIAN MINIMUM</b>	<b>(01-09)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- keseluruhan karangan sukar/tidak difahami</li> </ul>

## SKEMA DOMAIN AWAM

### Praktis 1

Manfaat penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat.

1. Bermanfaat untuk mencari dan mengumpul maklumat dalam masa yang singkat
2. Dapat menyelesaikan pelbagai urusan seharian seperti membayar bil dan urusan perbankan.
3. Dapat berkomunikasi pada jarak jauh dan jarak dekat malah merentasi lautan seantero dunia.
4. Ibu bapa akan mudah mendapat dan menyemak keputusan peperiksaan anak-anak secara cepat dan berkesan
5. Memudahkan urusan pembelian barang sekaligus menjimatkan masa dan kos

### Praktis 2

1. **Mengajar anak-anak supaya tidak bersikap individualistik**-permainan bersama rakan-rakan contohnya, guli – Keseronokan bermain bersama akan membentuk sikap mementingkan persahabatan .-Membentuk jati diri seseorang.-Tidak bersikap seperti kera sumbang.
2. **Melahirkan individu yang berani dan yakin** dalam melakukan sesuatu perkara.- Permainan sepak raga-menunjukkan keberanian,bijak mengatur strategik untuk mengalahkan pihak lawan.
3. **Melahirkan individu yang kreatif dan inovatif** melalui permainan tradisional seperti gasing dan wau. Bukan setakat mahir dan kreatif mencipta bentuk-bentuk wau dan gasing yang menarik- mampu berfikir di luar kotak cara-cara menerbangkannya.
4. **Mengajar si pemain dengan nilai-nilai murni termasuklah sifat pemurah,berhati-hati dalam bertindak,bijak merancang serta peka bagi mencapai kemenangan**.-Permainan Congkak.
5. **Mengajar tentang kepentingan untuk fokus**.- sikap ini mampu melahirkan individu yang mempunyai pendirian yang kukuh Dalam permainan tradisional kanak-kanak bukan setakat bermain tetapi turut menimba pengalaman sewaktu membesar- Permainan melastik.
6. **Melahirkan semangat cinta akan negara** atau semangat patriotik terhadap warisan negara dan bangsa. -Permainan tradisional -lahir individu yang benar-benar mempunyai jati diri sebagai bakal pemimpin negara.

### Praktis 3

#### Jawapan Cadangan

1. Mudah untuk memulakan perniagaan - modal yang rendah – sesuai untuk individu yang baru berjinak-jinak dalam bidang perniagaan/ keusahawanan
2. Tidak perlu menyewa premis – boleh dilaksanakan di rumah – jimat kos tetap (sewa permis) – modal untuk kos sewa premis boleh digunakan untuk tujuan lain
3. Urus niaga dapat beroperasi 24 jam – masa fleksibel – ikut kelapangan masa – kepelbagaian produk boleh dipasarkan dalam satu-satu masa
4. Jaringan pasaran – mudah untuk mendapatakn pelanggan – pelanggan ramai – pelanggan dari pelbagai tempat/ negeri/ negara – pasaran luas – Facebook, Instagram, Twitter, blog, laman sesawang.
5. Mengurangkan pengangguran – kadar pengangguran tinggi akibat ketidaktentuan ekonomi – membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada graduan lepasan universiti/ kolej

### Praktis 4

#### Jawapan Cadangan

1. Guru membentuk suasana yang kondusif – kelas itu hidup dan berinteraksi secara positif – kelas yang membuat setiap pelajar mahu mengikuti pengajarannya
2. Guru perlu bijak memilih bahan pengajaran sastera – pemilihan itu biarlah bervariasi – sesuai dengan kecenderungan, kematangan dan keterbukaan fikiran para pelajar kita.
3. Guru lebih kreatif dalam merancang pengajarannya – kreativiti ini boleh ‘dipinjam’ bermaksud guru harus rajin membuat kajian kecil atau mencari sumber yang dapat membantunya melakarkan rancangan pengajaran yang menarik.
4. Setiap kelas itu berbeza dan keberkesanan cara itu juga akan berbeza mengikut kemampuan kelas tersebut – kepelbagaian cara mengajar sastera ini dapat menarik minat mereka.
5. Memandangkan minat itu tidak datang dengan secara tiba-tiba, guru dengan keberaniannya bereksperimentasi perlu akur dan memahami bahawa produk itu tidak sepenting proses penghasilannya.

## Praktis 5

## Jawapan Cadangan

1. Asas agama yang lemah – mudah tergoda apabila ditawarkan rasuah walaupun tahu perbuatan menerima rasuah itu berdosa.
2. Gaji yang rendah – desakan hidup dan keinginan untuk hidup mewah mendorong personel bergaji rendah menerima suapan
3. Kurang kesedaran / pengetahuan – budaya masyarakat yang suka memberi hadiah menyebabkan terdapat sesetengah masyarakat yang tidak dapat membezakan antara rasuah atau hadiah biasa. Mereka berpendapat pemberian bernilai kecil bukan rasuah.
4. Kerenah birokrasi – Ada pihak yang memberi rasuah disebabkan tidak ingin menunggu lama untuk projek mereka diluluskan. Ada juga yang memastikan mereka mendapat projek yang diingini dan bukannya pesaing mereka.
5. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah – tindakan yang lambat oleh pihak penguat kuasa menyebabkan pemberi dan penerima rasuah berasakan mereka tidak akan diambil tindakan.
6. Terpengaruh dengan rakan sekerja – sesetengah pihak menerima rasuah apabila melihat rakan sekerja termasuk ketua jabatan mereka melakukan jenayah yang sama tanpa menerima sebarang tindakan.

## Praktis 6

## Jawapan Cadangan

1. Peranan sekolah - mengadakan kegiatan kokurikulum yang berkaitan permainan tradisional
2. Peranan Kementerian Kesenian, Kebudayaan, dan Warisan - mengadakan pesta permainan tradisional di peringkat negeri atau kebangsaan
3. Kerajaan juga perlu membina lebih banyak kemudahan untuk permainan tradisional
4. Kempen yang terancang tentang permainan ini perlu diadakan oleh pihak berkuasa.
5. Pihak kerajaan boleh memajukan permainan tradisional dengan turut menyediakan jurulatih yang terlatih dan mahir di setiap gelanggang yang telah disediakan itu.
6. Peranan media massa dalam menyiarkan program yang memaparkan permainan tradisional dan sukaneka berteraskan permainan tradisional

## Praktis 7

### Jawapan Cadangan

**Pendahuluan:** Pencemaran alam merupakan isu yang sering menjadi buah mulut masyarakat sejak belakangan ini. Setiap hari terdapat laporan media tentang gejala pencemaran alam. Hal ini telah menyebabkan pelbagai pihak berasa bimbang akan gejala tersebut. Pihak kerajaan dengan pertubuhan bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan alam sekitar terpelihara.

**Isi 1:** Salah satu langkah yang dapat digunakan untuk mengatasi pencemaran alam ialah pihak berwajib **menguatkuasakan undang-undang berkait pencemaran alam sekitar dan menghukum individu atau organisasi** yang telah didapati bersalah mencemarkan alam sekitar. Dalam kebanyakan kes, pelepasan asap kilang dan pembuangan sisa toksik ke dalam sungai mahupun ke dalam laut secara terbuka terus berlaku tanpa kawalan.

**Isi 2:** Selain itu, pihak sekolah hendaklah memperkenalkan **pendidikan alam sekitar kepada murid-murid sekolah**. Pendidikan alam sekitar melibatkan pelbagai aspek yang menjurus ke arah pengkalan alam yang sejahtera. Satu kurikulum yang khusus perlu digubal agar pendedahan yang sistematik dapat dilaksanakan.

**Isi 3:** Langkah untuk mengatasi pencemaran alam seterusnya ialah pihak kerajaan perlu **melaksanakan kempen dengan lebih berkesan**. Kempen merupakan kaedah yang paling berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat tentang pelbagai perkara. Pelbagai media massa dapat digunakan untuk menjadi wadah penyampaian maklumat melalui kempen.

**Isi 4:** Di samping itu, langkah **mengadakan program kitar semula bahan-bahan buangan boleh diproses semula** untuk digunakan sekali lagi dan kita boleh mengklasifikasikan bahan-bahan yang tidak diperlukan ke dalam tong-tong kitar semula yang telah disediakan. Sebagai contoh, bahan buangan boleh diproses menjadi baja nutrien bagi menghindarkan pembaziran dan surat khabar boleh juga dijadikan tisu. Keadaan ini dikatakan “sambil menyelam sambil minum air”.

**Isi 5:** Salah satu langkah yang perlu diambil untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar ialah **mengurangkan penggunaan bahan kimia**. Hal ini demikian kerana bahan kimia akan mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar selain akan mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar.

**Isi 6:** **Teknologi hijau adalah penerapan satu atau lebih aspek sains alam sekitar** dan pemantauan alam sekitar untuk memulihara persekitaran semula jadi dan sumber, dan meminimumkan kesan negatif akibat penglibatan manusia. Ia merupakan pembangunan dan aplikasi produk, peralatan dan sistem mesra alam untuk memelihara alam sekitar dan alam semula menggunakan sumber tenaga boleh baharu supaya kesan negatif daripada aktiviti manusia dapat dikurangkan.

**Penutup:** Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang dikenal pasti dapat mengatasi masalah pencemaran alam sekitar jika dilaksanakan dengan penuh iltizam. Dalam hal ini, semua pihak perlulah bekerjasama untuk memastikan langkah-langkah yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Jika alam sekitar terus terabai, generasi akan datang pasti menghadapi masalah alam sekitar yang lebih buruk. Kerjasama dan kesungguhan semua pihak menyelesaikan masalah ini diharapkan dapat mengatasi gejala pencemaran alam dengan lebih berkesan kerana kelestarian alam tanggungjawab kita semua.

## Praktis 8

### Jawapan Cadangan

**Pendahuluan:** Pembangunan menuntut penerokaan hutan untuk pembinaan bandar dan kawasan perindustrian. Penerokaan hutan itu telah menjejaskan hidupan liar sehingga ada yang diancam kepupusan. Oleh itu, langkah-langkah berkesan harus diambil untuk menyelamatkan hidupan liar.

**Isi 1:** Satu langkah ialah **mengekalkan hutan**. Hutan habitat semula jadi hidupan liar. Penerokaan hutan memusnahkan habitat itu. Penerokaan hutan harus dikawal ketat. Pembalakan haram perlu dibanteras. Dengan cara ini, kadar kemusnahan hutan dapat dikurangkan untuk memelihara habitat hidupan liar.

**Isi 2:** Penyelidikan saintifik dalam **pembiakan hidupan liar** juga penting. Spesis hidupan liar yang hampir pupus perlu dikenal pasti. Kemudian, spesis itu mestilah diisytiharkan sebagai spesis terlindung. Pembiakan hidupan liar yang hampir pupus harus digiatkan. Penyelidikan dan pembangunan. Menubuhkan bank genetik bagi menyimpan DNA. Mencipta pelbagai pelalian dan hormon.

**Isi 3: Membanteras berjuta-juta plastik** digunakan manusia dibuang ke tapak pelupusan sampah atau hanyut ke laut. Mengikut Program Alam Sekitar PBB, (UNEP), 50 peratus plastik digunakan hanya sekali sahaja dan plastik adalah 10 peratus daripada sisa yang dihasilkan.

**Isi 4: Menempatkan haiwan di zoo** untuk tujuan perlindungan, penyelidikan dan pembiakan.

**Isi 5: Menguatkuasakan pemantuan** dan memaksimumkan hukuman kepada pesalah.

**Isi 6:** Langkah strategik di ambil dengan **menjalankan aktiviti tanam semula** kawasan pembalakan dilihat dapat melestarikan alam semula jadi bagi tatapan generasi akan datang. Aktiviti semaian anak pokok balak dilakukan Jabatan Perhutanan adalah antara langkah untuk memastikan spesies pokok berkualiti tinggi terus terpelihara dari semasa ke semasa.

**Penutup:** Kesimpulannya, pembakaran hutan, pembalakan haram dan pencemaran alam harus diberhentikan untuk mengelakkan berlakunya bahana yang lebih dasyat kepada hidupan liar dan kepupusan flora dan fauna. (*sambung ayat cadangan dan harapan*)

## Praktis 9

### Jawapan Cadangan

**Pendahuluan:** Budaya pemakaian tradisional semakin dilupakan. Oleh itu, budaya memakai pakaian tradisional seharusnya dikekalkan supaya tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Jika dilihat, kebanyakan remaja Melayu di zaman era globalisasi ini lebih menyukai pakaian ala-ala barat. Mereka tidak sedar dengan perbuatan yang sebegitu sebenarnya sedikit sebanyak menghakis budaya pemakaian pakaian tradisional sesebuah kaum itu sendiri. Persoalannya, apakah usaha-usaha untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional kepada rakyat Malaysia?

**Isi 1:** Sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan identiti dan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia. Setiap pakaian tradisional melambangkan sesuatu kaum di Malaysia. Hal ini kerana daripada pengamatan terhadap pakaian seseorang itulah kita dapat mengagak individu tersebut berasal daripada kaum apa.

**Isi 2:** Cara yang paling efektif dalam memartabatkan warisan budaya Malaysia melalui mempromosikannya. Cara-cara mempromosikannya ialah menganjurkan pelbagai pameran, mengadakan forum, memberikan ceramah, menyediakan poster, membina papan iklan serta menyediakan dan mengedarkan risalah.

**Isi 3:** Selain itu, Langkah yang boleh diambil ialah dengan mengadakan program pertukaran budaya. Hal ini kerana, sesuatu kaum itu tidak hanya terhad dalam pengetahuan budaya masyarakat mereka sahaja. Pendedahan sebegini amat penting dalam mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional yang seharusnya diwarisi daripada generasi kepada satu generasi yang akan datang.

**Isi 4:** Langkah seterusnya, pemakaian pakaian tradisional boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancong dan sekali gus dapat meningkatkan aktiviti pelancongan di negara ini.

**Isi 5:** Akhir sekali, rakyat Malaysia digalakkan untuk mengenakan pemakaian pakaian tradisional dalam pelbagai acara rasmi adalah memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat perpaduan antara kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan melalui pemakaian baju tradisional Melayu oleh kaum lain dalam kehidupan seharian tidak mengira tempat dan masa.

**Penutup:** Secara keseluruhannya, pakaian tradisional merupakan sebahagian daripada budaya kita walau di mana sekali pun kita berada . Seperti di Malaysia, pakaian tradisional melambangkan kebudayaan sesebuah kaum itu sendiri .

**Praktis 10**

Jawapan Cadangan

1. **Pengusaha industri kraf tangan haruslah menghasilkan kraf tangan yang kreatif**
2. **Kerajaan haruslah mempromosikan barangan kraf tangan ke luar negara**
3. Sokongan masyarakat terhadap kraf tangan ciptaan warga tempatan
4. Latihan kemahiran dan pendedahan awal kraf tangan juga diberikan kepada pengusaha kraf tangan

**Praktis 11**

Jawapan Cadangan

1. Budaya kunjung-mengunjungi antara satu sama lain haruslah dipupuk dalam kalangan masyarakat
2. **Masyarakat berbilang kaum hendaklah bertegur sapa antara jiran tetangga dan rakan sekerja di mana-mana sahaja.**
3. **Bersama-sama menyambut hari perayaan kaum-kaum yang terdapat di Malaysia**
4. Rakyat perlu ada nilai dan sikap menghargai kaum-kaum lain yang ada di Malaysia

**Praktis 12**

Jawapan Cadangan

1. Mewujudkan suasana kondusif – suasana yang bersih dan selesa dapat memberikan ketenangan kepada penduduk sekitar – menyumbang kepada kesejahteraan emosi
2. Mengurangkan bahaya dan risiko jangkitan penyakit – kerana kebersihan persekitaran secara langsung mengurangkan pembiakan nyamuk, lipas, lalat dan tikus. -persekitaran yang bersih menjamin kesihatan manusia. Penyakit denggi boleh dielakkan jika tiada takungan air dan longkang tersumbat. Penyakit berjangkit seperti COVID-19 dapat dicegah jika amalan kebersihan sentiasa dilakukan.
3. Memastikan keperluan asas kehidupan kita seperti air, udara dan makanan sentiasa bersih dan berterusan – persekitaran yang bersih dapat mengurangkan pencemaran
4. Menarik kedatangan pelancong – persekitaran yang bersih dan indah boleh menjadi daya tarikan kepada pelancong sama ada dari dalam negara mahu pun luar negara – meningkatkan ekonomi
5. Memelihara flora dan fauna – kebersihan persekitaran yang kaya dengan alam semula jadi dapat mengekalkan habitat flora dan fauna.
6. Menjamin kestabilan ekosistem – sekiranya persekitaran terjaga, bebas daripada pencemaran dan pelepasan karbon, ekosistem yang memelihara fungsi bumi tidak akan terganggu.

**Praktis 13**

## Jawapan Cadangan

- Peranan Ibu Bapa
- Memperkasa Pendidikan Alam Sekitar di sekolah
- Pelibatan NGO - Alam Sekitar
- Kempen oleh kerajaan
- Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar

**Praktis 14****Format :** Rencana

**Fokus Soalan :** langkah-langkah menangani masalah kemalangan jalan raya.

**Cadangan Isi:**

1. Pemandu mengamalkan nilai murni semasa di jalan raya.
  - menghormati undang-undang
  - memandu secara berhemah
  - menghormati pengguna jalan raya yang lain
2. Didikan awal bermula dari bangku sekolah perlu dilakukan oleh kerajaan – memperkasakan PJKJR
3. Pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang keselamatan jalan raya. dengan lebih tegas dan tegas - Peraturan-peraturan jalan raya seharusnya dikaji semula dan ditambah baik bagi memastikan keselamatan pengguna sentiasa terpelihara.
4. Kerajaan perlu melaksanakan kempen-kempen kesedaran keselamatan jalan raya.
5. JKR menambah baik jalan raya yang rosak

## SKEMA JAWAPAN DOMAIN PENDIDIKAN

### Praktis 1

#### Peranan pihak sekolah:

1. Guru kaunselor perlu menganjurkan program yang boleh mewujudkan kesedaran ke arah mengenal pasti punca, simptom dan kaedah menangani masalah berkaitan emosi.
2. Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan memperkenalkan Modul Kesihatan Mental di sekolah menengah.
3. Pelajar diwajibkan mengikuti aktiviti kokurikulum.
4. Persatuan Ibu Bapa dan Guru menganjurkan Kursus Kemahiran Keibubapaan
5. Pentadbir sekolah dan guru kelas sentiasa peka dengan sebarang perubahan sikap dan tingkah laku murid.

### Praktis 2

#### Langkah-langkah:

1. Bilik kaunseling yang kondusif
2. Sikap kaunselor yang mesra pelanggan
3. Promosi / kempen/ ceramah perkhidmatan kaunseling secara berterusan
4. Meminta kerjasama ibu bapa supaya menggalakkan anak-anak berjumpa dengan kaunselor
5. Guru kelas menyenaraikan nama murid yang bermasalah kepada kaunselor

### Praktis 3

#### Kepentingan:

1. Melahirkan pelajar yang celik IT
2. Pelajar dapat bersaing di peringkat globalisasi
3. Melahirkan tenaga kerja yang sesuai dengan perkembangan semasa
4. Memupuk perkembangan pelajar secara menyeluruh
5. Pelajar belajar mengikut kemampuan dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri

**Praktis 4****Modus operandi/usaha-usaha:**

1. KPM menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas Menangani Gejala Disiplin
2. KPM membuka talian penting dan e-mel untuk mangsa buli dan keganasan di sekolah
3. Pihak sekolah mengenakan hukuman rotan, denda, gantung sekolah dan buang sekolah
4. Pihak sekolah dibenarkan mendapat bantuan daripada pihak polis
5. Pihak sekolah dibenarkan menahan murid yang berada di luar kawasan sekolah pada waktu persekolahan

**Praktis 5****Langkah-langkah:**

1. Sekolah Pendidikan Khas perlu diperluaskan di peringkat luar bandar
2. Pihak kerajaan menyediakan tempat atau kuota di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada OKU yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan SPM dan STPM
3. Pihak media massa menyebarkan maklumat peluang pendidikan kepada OKU
4. Bantuan kewangan bulanan diberikan kepada murid OKU
5. Menyediakan kemudahan pembelajaran yang bersesuaian dengan murid OKU

**Praktis 6****Kelebihan:**

1. Ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan cepat dan mudah
2. Membolehkan guru mengesan keupayaan murid
3. Konsep pembelajaran sepanjang hayat akan terlaksana
4. Berupaya menggunakan e-buku atau buku elektronik
5. Pendidikan boleh berlaku di mana-mana sahaja.

**Praktis 7****Manfaat @ Kebaikan pembelajaran atas talian**

1. Memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran
2. lebih fleksibel
3. menyeronokkan dan interaktif

**Keburukan pembelajaran atas talian**

1. memerlukan disiplin diri yang tinggi
2. Kos yang tinggi
1. 3 kurang komunikasi

**Praktis 8****Cara:**

1. melalui peranan individu
2. melalui peranan ibu bapa atau keluarga
3. melalui peranan guru atau sekolah
4. melalui peranan pihak kerajaan
5. melalui peranan Ngo

**Praktis 9****Manfaat dan cabaran kelas campur kepada guru dan murid:**

1. Merapatkan jurang perbezaan antara murid
2. Memberikan persaingan yang sihat
3. Mendedahkan pelbagai bentuk pembelajaran
4. Guru terpaksa melatih ikut keupayaan atau potensi murid
5. Guru perlu merancang kaedah pengajaran yang efektif dan sesuai
6. Guru perlu menghadapi masalah disiplin murid

**Praktis 10****Usaha-usaha:**

1. KPM-menambah bilangan guru bahasa Inggeris berkualiti melalui latihan - guru berkualiti membantu p&p yang lebih berimpak.- guna jurulatih utama dari luar negara atau penutur jati bahasa tersebut- Contoh, Program Penutur Jati- 360 penutur jati luar negara sebagai mentor di 1800 sekolah rendah-15 di training fellows di Institut Perguruan Guru yang dipilih sebagai Pusat kecemerlangan bahasa Inggeris
2. Sekolah- Guru -mempelbagaikan kaedah & bahan p&p - memilih kaedah yang efektif, interaktif dan menyeronokkan- mengintegrasikan TMK, kaedah Didik Hibur- guru juga perlu memberi galakan kepada murid untuk menyertai pelbagai aktiviti berbahasa Inggeris.
3. Kerajaan- kerjasama dengan pihak swasta -mempertingkatkan kempen-kempen kepentingan mempelajari bahasa Inggeris-media sosial dan elektronik- usaha bersiri dirancang cara konsisten untuk meningkatkan kesedaran murid-mengambil inisiatif memperkukuhpenguasaan bahasa Inggeris- mendapat pelbagai manfaat.
4. Ibu bapa-menerapkan amalan budaya membaca bahan-bahan bacaan bahasa Inggeris berkualiti - membeli bahan-bahan bacaan- menyediakan perpustakaan mini- meningkatkan kemahiran berbahasa secara lisan mahupun bertulis.
5. Murid-menyedari faedah-faedah menguasai bahasa Inggeris- berusaha menggunakan pelbagai medium untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris- menonton filem berbahasa Inggeris, berdamping dengan kamus bahasa Inggeris, menulis blog, mendengar lagu-lagu berbahasa Inggeris - dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris.

**Praktis 11****Faktor-faktor:**

1. Masalah capaian Internet- liputan dan capaian Internet tidak menyeluruh di seluruh negara-ketiadaan jaringan internet yang sempurna di kawasan luar bandar perkembangan teknologi yang perlahan-penggunaan optik fiber yg tidak meluas- Laporan Buletin Bulanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) edisi Ogos-kedudukan jalur lebar mudah alih Malaysia-tempat keenam dalam negara ASEAN dengan kelajuan 24.44 Mbps dan tangga ke-85 pada peringkat global-menyebabkan ramai murid tidak berpeluang mengikuti proses p&p-berlaku masalah keciciran
2. Ketiadaan peranti -khususnya pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan— telefon pintar, komputer-keperluan yang wajib ada untuk menyertai p&p dalam talian-kajian kesediaan murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian KPM-28 Mac 2020-2 April 2020- daripada 670,118 responden dalam kalangan ibu bapa dan 893,331 murid-36.9% murid tidak mempunyai peranti.- pembelajaran dalam talian tidak dapat dilaksanakan secara meluas
3. Persekitaran hidup murid yang kurang kondusif- murid tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya ketika mengikuti pembelajaran dalam talian -suasana persekitaran yg bising, ruang belajar yang sempit, ketiadaan kerusi dan meja yang selesa- murid daripada keluarga kurang berkemampuan – paling terkesan-murid tertekan- pembelajaran dalam talian tidak dapat dikuti dengan baik.
4. Penguasaan kemahiran guru terhadap pedagogi digital-tidak semua guru celik ICT- menyebabkan – usaha menyediakan bahan-bahan & mempelbagaikan bentuk aktiviti p&p- bentuk pembelajaran yang menarik,interaktif, mudah difahami dan efektif – tidak dapat direalisasikan- murid hilang minat untuk terus mengikuti proses pembelajaran dalam talian.

5. Sikap murid-tahap disiplin yang rendah-tidak mengikut jadual pembelajaran dalam talian yang telah disediakan- bersikap sambil lewa dalam menyiapkan tugas yang diberikan- tidak mengambil inisiatif untuk berinteraksi dengan guru - pembelajaran dalam talian – tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

## **Praktis 12**

### **Punca-punca**

1. Masalah keluarga - kemiskinan - terpaksa membantu keluarga
2. Sikap pelajar sendiri - kurang fokus dan ketekunan - lebih minat bidang kemahiran dan praktikal
3. Keciciran kerana terlibat dalam kegiatan negatif

### **Usaha-usaha**

1. Pihak IPT menawarkan lebih banyak kursus yang diminat oleh lelaki
2. Kerajaan mengadakan kempen dan ceramah kesedaran
3. Penawaran biasiswa dan ganjaran yang menarik

## **Praktis 13**

### **Kelebihan Tuisyen :**

1. Masa pembelajaran yang fleksibel
2. Corak pembelajaran yang mudah dan praktikal
3. Cara pemantauan anak-anak dalam akademik
4. Skop atau topik dikecilkan dan berfokus
5. Masa anak-anak belajar melebihi aktiviti lain.

## SKEMA JAWAPAN DOMAIN KERJAYA

### Praktis 1

#### Pendahuluan

**Isu** : Setiap individu mempunyai kerjaya impian

**Kesan** : Namun tidak semua individu dapat mencapai kerjaya impian mereka

**Tindakan** : Mereka perlu menyusun strategi untuk mendakap kerjaya pilihan mereka

**Hasil** : Barulah individu tersebut boleh tersenyum lebar dengan kerjaya mereka

**Hubungkait** : Namun persoalannya, apakah langkah-langkah untuk mencapai kerjaya impian.

#### Isi

**Isi 1** : kelulusan yang sesuai dengan kerjaya impian

**Isi 2** : menguasai lebih daripada 2 bahasa

**Isi 3**: menyesuaikan kerjaya pilihan dengan keperluan / kehendak negara

**Isi 4** : mempunyai pelbagai kemahiran

**Isi 5**:: meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam bidang terbabit

**Penutup** : Setiap individu harus ada perancangan strategik untuk mendapatkan kerjaya impian mereka.

### Praktis

- **Format** : Tidak berformat

#### Pendahuluan

- ❖ Setiap individu mempunyai cita-cita dan impiannya yang tersendiri.
- ❖ Kerjaya didefinisi sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan atau profesion
- ❖ Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan kerjaya sebagai pekerjaan yang dipilih untuk mencari nafkah
- ❖ semakin luas alam pekerjaan kerana dengan beredarnya zaman, muncullah pekerjaan-pekerjaan baharu yang memerlukan pelbagai kemahiran dan kepakaran.
- ❖ Persoalannya, apakah persediaan-persediaan individu untuk menempuh alam pekerjaan?

**Isi-Isi Penting** (persediaan-persediaan untuk menempuh alam pekerjaan)**Penulisan Resume yang betul dan tepat**

- ❖ Format Penulisan Resume yang lengkap, padat dan sesuai dengan pekerjaan yang dipilih.
- ❖ Resume adalah suatu daftar dokumen yang berisi klasifikasi dan jalur karier seseorang yang disusun secara teratur, rapi, dan menarik perhatian pembaca.
- ❖ Melalui resume ini diharapkan majikan sesuatu organisasi/syarikat ataupun pihak penemu duga sudah dapat mengetahui kemampuan seseorang calon, walaupun belum pernah bertemu secara langsung dengan calon tersebut.

**Kemahiran Menghadiri Temuduga**

- ❖ Pastikan sijil-sijil asal dan salinan pendua sijil serta resume disediakan. Pastikan sijil-sijil disusun mengikut keutamaan jawatan yang dipohon Cuba dapatkan nama /gelaran panel temuduga
- ❖ Membuat persediaan awal untuk menjawab soalan-soalan yang mungkin ditanya dengan baik dan lancar.
- ❖ calon juga dapat berlatih menggunakan nada suara, kelajuan dan intonasi yang sesuai semasa temuduga. Calon boleh meminta bantuan rakan untuk memberi maklum balas. Adab berpakaian dan keterampilan diri untuk lelaki dan perempuan

**Kemahiran Komunikasi**

- ❖ seseorang itu mestilah mempunyai etika dalam pertuturan kata dan mampu menyampaikan sesuatu mesej dengan jelas dan lengkap kepada orang lain.
- ❖ Hal ini penting agar tidak berlaku percanggahan dan tegang lidah antara rakan sekerja
- ❖ meningkatkan produktiviti sesuatu pekerjaan melalui pertukaran pendapat dan arahan yang cekap.

**Mempertimbangkan *prospek* pekerjaan yang hendak diceburi**

- ❖ mempunyai matlamat yang jelas berkenaan haluan masa depan yang mahu dipilih.
- ❖ jika seseorang meminati lukisan dan mempunyai imaginasi yang sangat tinggi dan luas, dia sewajarnya memilih untuk menjadi seorang arkitek.
- ❖ Kecenderungan pada cita-cita dan minat

**Mempunyai ketahanan fizikal dan mental bagi menghadapi alam pekerjaan**

- ❖ Seseorang pekerja perlu memberikan komitmen dan usaha maksimum dalam membuahkan hasil pekerjaan yang berkualiti.
- ❖ Pekerja yang cerdik, cekal dan kreatif serta mempunyai kecekalan dalam menghadapi segala cabaran dan halangan dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan.
- ❖ Individu perlulah melatih diri supaya berdisiplin , tidak mudah berputus asa dan mampu menahan segala rintangan dalam mengorak langkah menggapai kejayaan supaya mereka dapat bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan yang jauh lebih mencabar.

## Penutupan

Kesimpulan – individu perlu bijak dan proaktif dalam persediaan menempuh alam pekerjaan kerana kerjaya yang diminati membawa kepada keseronokan bekerja.

Cadangan – individu perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan berpersonaliti menarik untuk melaksanakan sesuatu kerja.

Harapan – melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran tinggi, berketerampilan dan dinamik dalam mengharungi dunia kerjaya dalam Revolusi Industri 4.0

## Praktis 3

### Pendahuluan

Definisi- sukan elektronik-sejenis bentuk pertandingan-permainan video- pertandingan melibatkan ramai pemain, terutama antara pemain profesional, atau secara individu sebagai pasukan.

### Isi-isi penting

1. 1.Pemain profesional dalam sukan elektronik mampu menjana pendapatan yang lumayan- pendapatan dijana daripada aktiviti penstriman, hadiah kejohanan, bayaran jika dilantik sebagai jurucakap produk dsb.
2. Bidang sukan ini membuka ruang yang luas terhadap bidang pembangunan perisian & permainan digital- reka bentuk bahan , penghasilan program bahan, penyediaan bahan digital grafik dan kandungan kreatif.
3. 3.Industri sukan elektronik membuka peluang pekerjaan yang baharu - antara pekerjaan yang berkaitan dengan sukan ini-pemain, jurulatih, pengurus acara, juri, pakar pemasaran, pereka permainan dsb- membantu mengurangkan kadar pengangguran-merangsang pertumbuhan ekonomi negara.
4. Sukan elektronik jika dibangunkan- kerajaan membuat pelaburan dalam ekosistem sukan elektronik tempatan-insfrastruktur, tempat, kemudahan digital akan membuka peluang untuk menganjurkan sesuatu kejohanan -pada peringkat antarabangsa - menyokong perkembangan industri pelancongan negara- menyumbang kepada sumber pendapatan negara.
5. 5.Sukan elektronik memberi peluang kepada golongan belia membangunkan ilmu pengetahuan teknologi dan kemahiran ICT- sebahagian besar golongan belia meminati sukan elektronik- penghasilan permainan memerlukan pasukan profesional berkemahiran tinggi – sama ada untuk membangunkan perisian mahupun terlibat dalam permainan video digital- negara akan mempunyai ramai golongan belia celik IT- membantu proses pembangunan negara dalam jangka masa panjang.

Penutup  
Kesimpulan  
Harapan  
Cadangan

**Praktis 4**

Pendahuluan

**Isu :**

Kebanyakan masyarakat di negara ini beranggapan bahawa graduan lepasan universiti akan mudah mendapat pekerjaan setelah selesai atau tamat pengajian mereka.

**Kesan :**

Namun hakikatnya tidak begitu. Masih terdapat mahasiswa yang belum mendapat pekerjaan ataupun menganggur walaupun telah selesai pengajian.

**Tindakan :**

Dalam hal ini, pihak haruslah berganding bahu mencari sebab kepada berlakunya perkara ini.

**Hasil :** Dengan cara itu, nasib para belia yang menganggur dapat dibela.

**Hubung kait :** Namun persoalannya,apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh seseorang belia dalam mendapatkan pekerjaan.

**Isi 1 :** Persaingan peluang kerjaya dengan pemohon lain

**Isi 2 :** Tidak memenuhi prospek kerja yang ditawarkan

**Isi 3 :** Penguasaan pelbagai kemahiran yang terhad / tidak mempunyai kemahiran yang pelbagai

**Isi 4 :** penggunaan teknologi yang lebih canggih telah menggantikan tenaga manusia

**Isi 5 :** tawaran gaji / upah yang rendah melemahkan semangat

**Isi 6 :** kemunculan Institusi Pengajian baharu menyebabkan berlakunya lambakan resume memohon pekerjaan, menjadikan peningkatan permohonan kerja / banyak resume memburu satu pekerjaan.

**Penutup :** Belia harus meningkatkan akademik dan kemahiran agar dapat memenuhi prospek kerjaya yang dikehendaki / ditetapkan oleh majikan.

**Praktis 5**

Persediaan

1. Fizikal - peralatan yang mencukupi dan lengkap
  - komputer, kamera, telefon pintar
2. Mental – kepantasan mengatur strategi permainan
  - komunikasi yang teratur dan sesuai dengan situasi permainan
3. Personaliti dan daya tarikan untuk mendapatkan sokongan warganet
  - penampilan diri
4. Pembahagian masa yang teratur

**Praktis 6**

Tugasan :

Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan peranan satu pihak – maksimum peringkat **memuaskan**
2. Cadangan isi :

**Peranan pelbagai pihak:**

- Kerajaan memberi pinjaman dan insentif
- Kerajaan menyediakan khidmat nasihat dan perundingan kepakaran
- Kerajaan menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan
- Peranan media massa mempromosikan Industri Kecil dan Sederhana
- Masyarakat membantu pengusaha IKS dengan membeli barangan dan produk yang dihasilkan
- Institusi pendidikan mendedahkan pelajar dengan produk IKS di kawasan setempat

\*Idea atau isi yang relevan dan sesuai boleh dipertimbangkan / diterima.

**Praktis 7****Cadangan idea:**

1. Pelajar/ remaja boleh mendapatkan nasihat daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah atau menyertai Program Mentor Kerjaya.
2. Pelajar/ remaja boleh meluangkan masa dengan menghadiri Pameran Kerjaya ataupun Hari Kerjaya yang diadakan oleh pelbagai pihak
3. Pelajar/ remaja perlu mempersiapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang seharusnya ada dalam kerjaya yang hendak diceburi.
4. Pelajar/ remaja yang ingin bekerja sendiri, harus berani menghadapi risiko yang tinggi, kreatif meneroka bidang baharu dan tahan bersaing.
5. Pelajar/ remaja perlu memperlengkap diri dengan kemahiran sosial seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja sepasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah

**Praktis 8****Pendahuluan**

- Aktiviti kesukarelawan merupakan salah satu kaedah membentuk keperibadian remaja
- Malaysia semakin kerap berdepan dengan bencana alam yang tidak dijangka
- Semangat kesukarelawan perlu ditanam dalam diri anak-anak

**Isi 1: Ibu bapa menjadi suri teladan**

- Ibu bapa haruslah mengikuti aktiviti kesukarelawan dengan melibatkan anak-anak
- Sikap ini akan diteladani oleh anak-anak
- Di mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi

**Isi 2: Ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti kemasyarakatan**

- Melatih anak-anak sejak kecil
- Tidak memanjakan anak-anak sehingga tidak mampu berkomunikasi dengan baik dengan orang sekeliling
- Membentuk kepekaan anak-anak terhadap keperluan masyarakat di sekeliling dan tidak bersikap terlalu manja

**Isi 3: Memberi peluang kepada anak-anak untuk aktif dalam aktiviti kokurikulum**

- Setiap unit kokurikulum di sekolah sememangnya diselitkan dengan modul kesukarelawan
- Ibu bapa perlu memastikan anak-anak mengikut aktiviti agar anak-anak dilatih untuk meminati aktiviti kesukarelawan melalui aktiviti kokurikulum.
- Jangan bersikap terlalu menatang minyak yang penuh sehingga memakan diri anak-anak.

**Isi 4: Memberi ganjaran kepada anak-anak**

- Peneguhan positif kepada anak-anak perlu jika mereka berjaya menunjukkan minat terhadap aktiviti kesukarelawan
- Dengan pujian dan ganjaran, anak-anak akan lebih bersemangat untuk terus aktif dalam aktiviti ini pada masa akan datang
- Ibu bapa perlu menerapkan nilai keikhlasan dalam melakukan tugas agar mereka dapat membezakan antara bekerja dan sukarela.

**Penutup**

- Melalui tindakan ibu bapa ini negara tidak akan ketandusan golongan muda yang sanggup membantu negara melalui aktiviti kesukarelawan
- Pihak berwenang juga perlulah sentiasa berusaha untuk memastikan usaha membentuk jiwa kesukarelawan dalam kalangan masyarakat dapat disuburkan.

**Praktis 9**

Pendahuluan	Calon terangkan situasi semasa tentang Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia
Kehendak soalan	Usaha-usaha mendapatkan hak golongan OKU dalam pekerjaan
Isi 1	<b>Memberikan peluang pekerjaan</b>
Mengapa	Pekerjaan ialah keperluan asas yang diperlukan untuk melatih golongan ini supaya hidup berdikari
Bagaimana	Dengan adanya peluang dalam kerjaya, mereka dapat melatih diri untuk melakukan sebarang pekerjaan tanpa mengharapkan bantuan orang lain
Contoh	Pihak kerajaan mahupun swasta dapat memberikan peluang pekerjaan kepada golongan OKU berasaskan kemahiran dan bakat yang mereka miliki
Ungkapan menarik	Tidak salah untuk memberikan mereka peluang kerana melalui peluang tersebut, pihak majikan dapat mencungkil keistimewaan tersebut dengan lebih dalam bak kata peribahasa, “tak kenal maka tak cinta”.
Penegas	Cara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup golongan istimewa dalam menentukan masa depan OKU
Isi 2	<b>Mewujudkan garis panduan khas berkaitan dengan pengambilan pekerja OKU</b>
Mengapa	Mereka dapat menghadapi masalah dan rintangan di luar kemunasabahan dalam mendapatkan pekerjaan.

Bagaimana	Pengambilan golongan OKU sebagai pekerja oleh setiap majikan haruslah berterusan sehingga tamat perkhidmatan
Contoh	Menubuhkan garis panduan untuk melindungi mereka daripada dibuli oleh rakan sekerja dan memberikan ketenangan semasa melakukan pekerjaan
Ungkapan menarik	Berat mata memandang,berat lagi bahu yang memikul
Isi 3	<b>Menyediakan peluang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi</b>
Mengapa	Kemudahan pendidikan khas yang disediakan dengan sempurna dapat melahirkan pelajar yang setanding dengan pelajar normal
Bagaimana	Sistem pendidikan khas perlu diperluas kepada golongan OKU yang berada di luar bandar supaya ibu bapa yang mempunyai anak-anak berpeluang menyekolahkan anak-anak mereka.
Contoh	Menyediakan tempat atau kaota pengajian di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada golongan OKU
Ungkapan menarik	Ilmu itu penyuluh hidup
Isi 4	<b>Menyediakan peluang berkhidmat di syarikat</b>
Mengapa	Kebanyakan syarikat yang sedia ada tidak membuka peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Pihak swasta boleh mengambil golongan ini untuk berkhidmat dalam syarikat mereka
Bagaimana	Pihak majikan seharusnya memberikan peluang kepada golongan ini untuk menyumbangkan kemahiran dan bakat yang ada dalam memajukan syarikat tersebut.
Contoh	Bekerja di kilang sebagai operator pengeluaran,pembantu pejabat dan kerani
Ungkapan menarik	Hendak seribu daya,tak hendak seribu dalih
Penutup	Konklusinya, golongan OKU mempunyai hak dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bakat dan kemahiran yang dimiliki
Cadangan	Semua pihak berganding bahu menjayakan membantu golongan OKU
Harapan	OKU mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara
Ungkapan menarik	Bagai enau dalam belukar,melepaskan pucuk masing-masing

**Praktis 10****Cadangan Idea:**

1. Belia perlu mempunyai minat dan bersikap positif- kegigihan, kecekalan dan komitmen
2. Belia perlu mempunyai perancangan teliti- tanah, modal, khidmat nasihat
3. Belia perlu peka terhadap teknologi – pelajari teknologi terkini, benih, baja dan lain-lain
4. Belia perlu mengkaji pasaran – ketahui kumpulan sasaran, ramalan jualan, strategi pemasaran
5. Belia perlu berdaya saing- tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian

**Praktis 11****CADANGAN JAWAPAN**

**FOKUS SOALAN:** Persediaan remaja lepasan SPM dalam memilih kerjaya yang diminati.

**CADANGAN IDEA:**

1. melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah.
  - Kemahiran komunikasi, mempunyai pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
2. mempunyai daya saing yang tinggi
  - kerana golongan pemuda-pemudi bakal berhadapan dengan dunia yang kian mencabar ini.
3. mempunyai kelayakan akademik yang tertinggi / ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap bidang pekerjaan yang bakal diceburi.
  - Memberikan pandangan awal yang positif daripada majikan.
  - Bersiap sedia menghadapi rintangan.
4. perlu mempunyai minda yang kreatif dan inovatif
  - dapat menyelesaikan persoalan / masalah dengan cara yang berbeza dan lebih berkesan.
5. mempunyai ketahanan fizikal dan mental
  - tidak mudah putus asa apabila menghadapi masalah dalam pekerjaan.

**LAMPIRAN SENARAI PENYUMBANG BAHAN KERTAS 1  
BAHASA MELAYU SPM KSSM**

BAHAGIAN A		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Juilis Mokujal (Ketua)	SMK Narinang, Kota Belud
2	Evelyna Chin	SMK Benoni, Papar
3	Nur Azlina Hamid	SMK Banggi, Kudat
4	Harliana Mohd Ariffin	SMK Agama Tun Ahmadshah
5	Hajah Azlida binti Abd Rahman	Mantan Guru BM SMK Shan Tao
6	Muhammad Ruzaini Awang	SMK Bukit Garam 11, Kinabatangan
7	Danielle Foong Chai Yen	Maktab Sabah
8	Ahmad Ibrahim	SMK Kinabutan 11, Tawau
9	Dr Daisy binti Paul	SMK Kolombong, Kota Kinabalu

BAHAGIAN B : DOMAIN AWAM		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Ramli Sukurani (Ketua)	SMK Bugaya 11, Semporna
2	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
3	Hamidah Raya	SMK Pinggan-Pinggan, Pitas
4	Liaw Kon Yin @ Nurismah Liaw	SMK Taman Ria, Tuaran
5	Connie Cosmas	SMK Tansau, Penampang
6	Kazaruddin bin Lahisi	SMK Gunsanad, Keningau
7	Mangit kaur	SMK Taman Tun Fuad, Kota Kinabalu.
9	Roswati Roslan	SMK Mat Salleh, Ranau
10	Azmie Hj. Muadi	SMK Membakut

BAHAGIAN B : DOMAIN PENDIDIKAN		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Muhammad Ruzaini Awang (Ketua)	SMK Bukit Garam II, Kinabatangan
2	Muliani Binti Rauneh	SMK Nabawan, Nabawan
3	Suzanah Binti Dahlin	SMK St Joseph, Papar
4	Noraidahwati Md Nowar	SMK Agama Kota Kinabalu
5	Yona Anak Charles	SMK Kota Marudu
6	Evelyna Chin(	SMK Benoni, Papar
7	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud

BAHAGIAN B : DOMAIN KERJAYA		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Nadhirah Abdullah (Ketua)	SMK Putatan
2	Danielle Foong Chai Yen	Maktab Sabah, Kota Kinabalu
3	Evelyna Chin - SMK Benoni	SMK Benoni, Papar
4	Hajah Rujimah Taip	SMK Gadong, Beaufort.
5	Datu Ramlee Datu Amir Hussin	SMK Segama, Lahad Datu
6	Harliana Mohd Ariffin	SMKA Tun Ahmadshah

BAHAGIAN B : DOMAIN PERIBADI		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Lianah binti Sikana (Ketua)	SMK Nabawan
2	Norazmie bin Ramin (Guru Cemerlang DG48)	SMK Kinabatan, Tawau
3	Evelyna Chin	SMK Benoni,Papar
4	Sudilah Bantagon	SMK Sepulut,Nabawan
5	Salwa James	SMK Sook,Keningau
6	Siti Fatimah bt Baharum	SMK St Peter Telipok
7	Sherlly Joachim	SMK Nabawan
8	Sarifa @ Sarifah binti Sebil	SMK Langkon, Kota Marudu
9	Anchois Aron	SMK Nabawan
10	Sekaran Abd Wahid	SMK Nabawan
11	Juliah Matnoor	Maktab Sabah, Kota Kinabalu
12	Ellyah Fred	SMK Sepulut, Nabawan